

Partnership

Edisi Pendemik 2020/2021

PENCAPAIAN ISLAMIC RELIEF MALAYSIA

Jumlah projek & penerima manfaat antarabangsa yang telah dibantu:

2020

189,208
PENERIMA MANFAAT

21
PROJEK

38
NEGARA

2021

121,500
PENERIMA MANFAAT

09
PROJEK

37
NEGARA

Jumlah projek & penerima manfaat Malaysia yang telah dibantu:

2020

51,404
PENERIMA MANFAAT

09
PROJEK

14
NEGARI

2021

75,332
PENERIMA MANFAAT

14
PROJEK

14
NEGARA

EDITORIAL TEAM

PENASIHAT

Zairulshahfuddin Zainal Abidin
Ketua Pegawai Eksekutif
Islamic Relief Malaysia

Siti Fadilah Mohd Hood
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Operasi) Islamic Relief Malaysia

Azizan Md. Dewa
Pengurus Kanan Bahagian Kewangan
Islamic Relief Malaysia

PENGISIAN

Nor Zafirah Zahari
Norjumiah Mardi
Nur Ain Ahmad Nawawi

KUMPULAN SOKONGAN

Bahagian Penjanaan Dana

Bahagian Program

Bahagian Sokongan Perkhidmatan

Bahagian Pembangunan & Sumber Manusia

Bahagian Kewangan

PEREKA GRAFIK

Norfadhilah Abd Rahim
Amirul Faruqi Mohd Noor
Mohamad Faiz Baharuddin

ISI KANDUNGAN

3 Mengenai Islamic Relief

4 Visi dan Misi

5 Nilai Islamic Relief

7 Kata Alu-Aluan

9 Ahli Lembaga Pemegang Amanah 2022

11 Jumlah Bantuan Mengikut Sektor

13 Ikon Kemanusiaan Islamic Relief Malaysia

19 Program Kesedaran dan Aktiviti Pengumpulan Dana

31 Agihan Sumbangan Covid-19

37 Projek Lokal

49 Projek Antarabangsa

61 Prorgram Bermusim

75 Misi Kemanusiaan

81 Sekalung Penghargaan

MENGENAI ISLAMIC RELIEF

1984

Ditubuhkan oleh Dr. Hany El-Banna & mahasiswa University of Birmingham, UK bertujuan untuk membantu isu kebuluran di Afrika.

1985

Projek pertama Islamic Relief - ladang ternakan ayam di Sudan. Mengumpulkan £100,000 untuk isu kebuluran di Afrika.

1985 - 1990

Berkhidmat di Mozambique, Iran, Pakistan, Malawi, Iraq & Afghanistan serta memperkenalkan Program Penajaan Anak Yatim.

MENGAPA BERSAMA ISLAMIC RELIEF

- Impak Berkesan & "Pulangan Nilai atas Sumbangan"
- Pengalaman & Kepakaran
- Rapat dengan Masyarakat

VISI

Berlandaskan kepada kepercayaan serta nilai-nilai Islam, Islamic Relief berhasrat mewujudkan dunia yang prihatin di mana komuniti diupayakan, tanggungjawab sosial dilaksanakan dan masyarakat bersatu untuk meringankan penderitaan golongan yang memerlukan.

MISI

Islamic Relief berusaha untuk mengeluarkan penerima manfaat dari kitaran kemiskinan dengan menyediakan solusi berkekalan ke arah mengupayakan mereka untuk mengubah kehidupan. Islamic Relief membantu semua lapisan masyarakat tanpa sebarang prejudis.

NILAI-NILAI ISLAMIC RELIEF



Usaha kami didorong atas dasar ikhlas kerana Allah & keperluan untuk memenuhi tanggungjawab kepada manusia dengan jujur dan tidak mementingkan diri sendiri.



Keadilan sosial menjadi tunggak bagi masyarakat & institusi menunaikan tanggungjawab mereka terhadap golongan miskin dan golongan memerlukan.



Perlindungan nyawa & kesejahteraan kehidupan merupakan keutamaan kami. Oleh yang demikian, kami akan bertindak terhadap penderitaan akibat bencana, kemiskinan dan ketidakadilan.



Kami bertanggungjawab menjaga amanah terhadap bumi, sumber-sumbernya dan kepercayaan yang diberikan supaya tindakan kami telus, bertanggung-jawab dan cekap.



Kami bertekad ke arah kecemerlangan dalam operasi dan tindak-tanduk kami, sebagai memenuhi hak semua penerima manfaat.

SASARAN GLOBAL

Sasaran global Islamic Relief bertujuan untuk memastikan agar kami membantu secara berkesan di dalam bencana, memberikan sumbangan besar terhadap Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu & menyokong perubahan positif dalam kalangan masyarakat.

01 Mengurangkan impak akibat konflik dan bencana alam

02 Mengupayakan komuniti

03 Menggembleng sumber manusia dan dana

04 Mengukuhkan rangkaian Islamic Relief

KATA ALU-ALUAN

Assalamualaikum wbt,

Segala puji bagi Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Allah, Nabi Muhammad SAW serta ahli keluarga baginda dan para sahabat.

Alhamdulillah, kita semua berjaya merentasi dua tahun yang penuh dengan cabaran dan dugaan menempuhi pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia.

Semenjak Covid-19 menimpa kita, saya yakin dan pasti ramai dalam kalangan masyarakat kita yang terjejas dengan pelbagai keadaan termasuklah aktiviti kehidupan seharian serta turut menjejaskan sektor-sektor penting dalam negara seperti pendidikan, ekonomi, pelancongan, agrikultur dan lain-lain.

Namun, walaupun berdepan situasi yang sukar, Islamic Relief tetap menghulur bantuan dan menyantuni mereka yang menyeru jeritan keterdesakan.

Dengan sokongan dan sumbangan anda, maka kami dapat terus bergerak membantu mereka yang kesusahan di dalam dan luar negara.

Menerusi Partnership 2020/2021 ini, dengan rendah hati kami bukukan kisah-kisah yang boleh diteladani serta ucapan terima kasih yang tidak putus-putus daripada penerima manfaat di seluruh dunia agar coretan ini dapat memberi semangat kepada anda semua untuk terus membangun dan memberi manfaat kepada masyarakat di luar sana.

Jazakumullah untuk setiap keringat yang anda sumbangkan dan semoga Allah SWT membalas dengan ganjaran yang sebaik-baiknya.

Prof. Dr. Azni Idris
Pengerusi Ahli Lembaga Pemegang Amanah Islamic Relief Malaysia



KATA ALU-ALUAN

Rangkuman sepanjang 2 tahun pandemik. Tahun 2020 dan 2021 memberi satu pengalaman baharu buat kita semua dalam mendepani cabaran pandemik Covid-19 yang melumpuhkan pelbagai sektor perkhidmatan hampir di seluruh dunia. Meskipun begitu, saya percaya setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya.

Alhamdulillah, Islamic Relief Malaysia masih lagi berjaya menyantuni penerima manfaat di dalam dan di luar negara walaupun terdapat cabaran dan halangan yang terpaksa ditempuhi seluruh keluarga Islamic Relief secara global.



Konflik kemanusiaan terus-menerus meningkatkan keperluan kemanusiaan, sementara bencana alam mengakibatkan ramai yang memerlukan bantuan kecemasan. Justeru, Islamic Relief sangat mengalu-alukan jaringan kolaborasi strategik daripada pelbagai pihak bagi merealisasikan agenda utama Islamic Relief iaitu mewujudkan dunia yang prihatin dimana komuniti diupayakan, tanggungjawab sosial dilaksanakan dan masyarakat bersatu meringankan penderitaan golongan memerlukan.

Medan yang perlu dibantu sangat banyak. Ianya seperti satu lautan yang luas, sedangkan usaha kita mungkin hanya sekadar segelas air sahaja. Disebabkan itu, gerak kerja bantuan perlu terus diperkukuhkan dengan mengambil semangat 'fastabiqul khairat' agar 811 juta orang di seluruh dunia yang sedang tidur dalam kelaparan ketika ini berjaya dibantu.

Sebagai organisasi kemanusiaan, kami akan terus menjadi NGO yang bertanggungjawab untuk menghubungkan penerima manfaat dengan keprihatinan anda. Kami melihat situasi ini sebagai satu amanah daripada penyumbang dan jawapan kepada Sang Maha Pencipta serta penerima manfaat. Mereka adalah pemegang hak yang sebenar.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada kumpulan gerak kerja (pemegang amanah dan kakitangan Islamic Relief) dan saya memanjatkan rasa kesyukuran kepada semua pihak (penyumbang, rakan kemanusiaan, sukarelawan, ikon kemanusiaan, rakan media dan semua yang terlibat). Anda semua telah memberi ruang kepada kami di Islamic Relief untuk terus menyantuni mereka yang memerlukan di Malaysia dan juga luar negara.

Menyantuni dengan penuh rasa tanggungjawab, telus dan berkesan adalah satu kewajipan. Ia adalah amanah kami selaku organisasi kemanusiaan untuk bergerak bagi pihak mereka. Bagi pihak pemegang amanah dan keluarga Islamic Relief Malaysia, izinkan saya untuk menhadiahkan Partnership Kemanusiaan Tanpa Sempadan: Edisi Pandemik 2020-2021 untuk anda melihat daripada hati, minda, dan jiwa terhadap impak yang luar biasa daripada sumbangan anda kepada mereka yang memerlukan. Ia amat bernilai dan tiada aksara yang mampu disusun untuk menjelaskan.

Zairulshahfuddin Zainal Abidin
Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Malaysia

AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH 2022



Datuk Nur Iskandar A. Samad
Ahli Lembaga Pemegang Amanah



Hjh. Nurhayati Hassan
Ahli Lembaga Pemegang Amanah



Dato' Sri Syed Saleh Syed Abdul Rahman
Ahli Lembaga Pemegang Amanah



Prof. Dr. Azni Idris
Pengerusi



Puan Hafidah Aman Hashim
Setiausaha



Datuk Naimun Ashakli Mohammad
Ahli Lembaga Pemegang Amanah



Dr. Mohamed Amr Attawia
Penasihat

PENGURUSAN TERTINGGI 2021



Zairulshahfuddin Zainal Abidin
Ketua Pegawai Eksekutif



Siti Fadilah Mohd Hood
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi)



Azizan Md. Dewa
Pengurus Kanan
Bahagian Kewangan

PENGURUSAN TERTINGGI 2020



Zairulshahfuddin Zainal Abidin
Ketua Pegawai Eksekutif



Kamarul Halim Sakrani
Pengarah, Bahagian Pembangunan Strategik



Sharlina Adnan
Pengarah, Bahagian Pembangunan Strategik



Siti Fadilah Mohd Hood
Pengarah, Bahagian Komunikasi Strategik



Nurbazilah Sulaiman
Pengurus Kanan, Bahagian Program



Redza Syah Azmeer Mohd Radzuan
Pegawai Khas, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Malaysia



Sharmiza Husin
Pengurus Kanan, Bahagian Pengurusan Komuniti



Mohamed Najib Abdul Rahman
Pengurus, Bahagian Sokongan Perniagaan



Suzilawati Abdullah
Pengurus, Kemudahan & Sokongan



NurShahidatul Azwa Kasim
Pengurus, Bahagian Kewangan




Mohamad Syzrul Yahya
Pegawai Kanan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Operasi

JUMLAH BANTUAN MENGIKUT SEKTOR 2020



LOKAL

- Bantuan COVID-19
- Kecemasan
- Program Bermusim
- Kehidupan Mampan
- Pendidikan



ANTARABANGSA

- Bantuan COVID-19
- Kecemasan
- Program Bermusim
- Anak Yatim
- Musim Sejuk
- Air, Sanitasi & Kebersihan
- Kehidupan Mampan
- Pendidikan

JUMLAH BANTUAN MENGIKUT SEKTOR 2021



LOKAL

- Bantuan COVID-19
- Kecemasan
- Program Bermusim
- Air, Sanitasi & Kebersihan
- Kehidupan Mampan
- Pendidikan
- Wakaf



ANTARABANGSA

- Kecemasan
- Program Bermusim
- Anak Yatim
- Musim Sejuk
- Kehidupan Mampan
- Pendidikan

"Humanity is waiting for us.
Not to hear about our actions,
but to see our actions"

Dr. Hany El-Banna,
Pengasas Islamic Relief



IKON KEMANUSIAAN
ISLAMIC RELIEF MALAYSIA

Suffian Amrin

"Peka dan prihatinlah dengan orang-orang di sekeliling kita dan cubalah bantu semampunya. Jika tidak mampu membantu dari sudut wang ringgit, bantulah dengan memberi sokongan moral atau lebih mudah bantulah Islamic Relief Malaysia dengan menyebarluaskan maklumat berkenaan kempen dan program yang sedang dijalankan. Moga usaha kita dipandang mulia di sisi Allah SWT."

Ahmad Zuhaidi Abdul Aziz

"Kesusahan tidak mengenal sesiapa. Jika kita yang masih mempunyai punca pendapatan ini pun sudah merasa sukarnya hidup apabila diuji dengan pandemik, bayangkan betapa peritnya lagi hidup saudara kita di negara konflik yang sudah kehilangan segala-galanya. Tiada daya bagi mereka melainkan berdoa dan berharap agar kita sudi berkongsi rezeki bersama mereka."

Azalinor Abd Rahman

"Sedekah itu bukan amalan orang kaya sahaja tetapi ianya ibadah yang mampu menjemput rezeki kita menjadi melimpah-ruah. Jadi, jom sama-sama kita bantu dan sokong usaha Islamic Relief Malaysia dalam membantu golongan memerlukan di dalam dan di luar negara."

Ashraf Muslim

"Saya anggap usaha menyebarkan semangat kemanusiaan dan inisiatif mengajak masyarakat melakukan kerja kebaikan merupakan tanggungjawab saya sebagai selebriti. Harapan saya semoga para peminat dan follower saya juga akan turut serta menjalankkan perkara kebaikan untuk manfaat dunia sejagat kerana Islam sangat menggalakkan kita agar saling bantu-membantu walau dalam apa jua bentuk pertolongan asalkan ia mendatangkan kebaikan kepada si penerima."

Diana Amir

"Di luar sana, ramai saudara kita sedang berjuang untuk kekal bertahan dalam kancah peperangan, bencana, kemarau, kebuluran serta wabak penyakit. Dunia ini hanya sementara, maka peruntukkanlah sebahagiannya kepada orang lain. Sesungguhnya, yang sebenar-benar harta kita adalah bahagian yang kita berikan kepada orang lain. Jadi, sama-samalah kita saling tolong-menolong dan bantu-membantu."

Irma Hasmie

"Sesiapa di luar sana yang sedang terbeban dengan pelbagai masalah, jom sama-sama kita cuba berusaha kongsi rezeki dengan mereka yang memerlukan sama ada di dalam mahupun di luar negara. Mudah-mudahan dengan niat sedekah yang kita hulurkan dengan ikhlas, Allah akan limpahkan lagi rezeki kita, permudahkan segala urusan kita dan mengasihi kita selalu. InshaAllah."

Elfaeza Ul Haq

"Penglibatan saya dalam dunia kemanusiaan bukan sekadar untuk membantu golongan rentan, namun ia sebenarnya untuk membantu diri saya sendiri agar menjadi lebih tenang dengan memperbanyakkan rasa syukur di atas kurniaan Allah selain mengharapkan keredhaan-Nya."

Chef Imelda Harris

"Pengalaman menyantuni penerima manfaat daripada pelbagai latar belakang banyak memberi keinsafan pada diri saya. Seronok melihat wajah kegembiraan mereka apabila menerima barangan sumbangan yang diberikan. Kadangkala situasi begini membuatkan saya rasa sebak. Harapan saya semoga setiap sumbangan yang kita berikan dapat memberi sinar kebahagiaan dalam hidup penerima yang dibantu."

Dr. Soo Wincci

"Ramai yang menyangka Islamic Relief hanya membantu penganut beragama Islam dan bangsa Melayu sahaja. Namun hakikatnya tidak seperti itu. Islamic Relief membantu semua golongan tanpa mengira perbezaan agama, bangsa, etnik atau negara. Saya membuktikannya apabila dipilih untuk menjadi salah seorang ikon Islamic Relief Malaysia."

Dr. Aizan Sofia Amin

"Dulu, sebelum saya sertai dunia kesukarelawanan, saya rasa macam hidup saya kurang bermanfaat pada orang lain, sejak saya sertai aktiviti kebajikan bersama MAKNA dan Islamic Relief Malaysia, saya mula rasa hidup saya lebih bermakna kerana dapat menyumbang kepada masyarakat walaupun saya ada kekurangan. Sesungguhnya memang tiada alasan untuk kita tidak beramal. Sekali kita dah terlibat dengan aktiviti kebajikan, pasti kita akan sentiasa rasa ingin terus membantu orang."

PENGLIBATAN PROGRAM































COVID-19
IMMEDIATE
ASSISTANCE









"Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, sokongan padu daripada penyumbang, rakan kemanusiaan dan komuniti yang kami santuni terus mendorong Islamic Relief untuk melakukan semua yang kami mampu demi membantu dan merubah kehidupan penerima manfaat di seluruh dunia, Insya-Allah."

Waseem Ahmad,
Ketua Pegawai Eksekutif
Islamic Relief Worldwide




PROGRAM KESEDARAN DAN AKTIVITI PENGUMPULAN DANA

CERAMAH, PAMERAN, AKTIVITI DAN KUNJUNGAN HORMAT

Bertujuan untuk menyebarkan maklumat dan mendidik masyarakat mengenai isu kemanusiaan yang berlaku di seluruh dunia.





























Salam




Beirut


Beirut








KAWAN LUAR BIASA
Islamic Relief
Malaysia
TEMU BUAL RADIO
DR. AIZAN SOFIA AMIN
PENSYARAH KANAN PROGRAM KERJA SOSIAL, UKM








WINTER




#aLIVEatHOME
Dr. Soo Wincci
Daphne Iking

Biarpun berdepan pelbagai cabaran, gerak kerja kemanusiaan Islamic Relief Malaysia tetap diteruskan untuk membantu penduduk yang terjejas akibat pandemik COVID-19.



Pengerusi dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah berbincang mengenai pencapaian dan hala tuju Islamic Relief Malaysia

KEMANISAN DALAM KERJA KEMANUSIAAN

Pandemik COVID-19 telah menimbulkan cabaran besar dalam pelbagai aspek kehidupan manusia di seluruh dunia. Laporan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menyatakan bahawa krisis COVID-19 merupakan krisis paling teruk sejak Perang Dunia Kedua.

Di Malaysia sendiri, penduduk mengalami pelbagai tekanan seperti kehilangan pekerjaan akibat krisis ekonomi yang tidak stabil, terputus bekalan makanan, dihimpit masalah kesihatan yang serius dan pelbagai lagi sehingga memberi kesan dan menjejaskan kualiti hidup.

Bagi golongan berpendapatan rendah, situasi ini sangat memberi tekanan apabila mereka tidak lagi dapat bekerja dan mencari sumber pendapatan akibat sekatan tertentu. Menyedari hal ini, Islamic Relief Malaysia sentiasa bersedia menghulurkan bantuan kepada masyarakat yang terjejas melalui pelbagai projek bantuan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Malaysia, Zairulshahfuddin Zainal Abidin, pihaknya sentiasa peka dengan situasi semasa dan berusaha mengumpul dana bagi membantu mereka yang memerlukan terutama golongan B40 dan ke bawah serta para petugas hadapan.

"Bila berlaku cabaran COVID-19 ini, ia merupakan perkara baharu buat semua termasuk NGO-NGO kemanusiaan seperti Islamic Relief Malaysia. Apapun, kami sentiasa berusaha mencari jalan untuk menyalurkan bantuan. Kebanyakan masyarakat kita menghadapi cabaran terputus bekalan makanan. Jadi, kami ingin memastikan tiada sesiapa di luar sana yang tidur dalam keadaan lapar.

"Sebagai sebuah jambatan kemanusiaan yang menghubungkan antara mereka yang suka membantu dan mereka yang perlu dibantu, Islamic Relief sentiasa menjadi pemudah cara kepada semua pendema untuk mendapatkan maklumat terkini sekaligus menyumbang untuk membantu mereka yang terjejas.

"Melalui sumbangan yang diberikan oleh rakyat Malaysia, kami telah menyalurkan bantuan di beberapa buah negara antaranya Bosnia, Kosova dan Gaza, Palestin. Di dalam negara, ramai asnaf dan penerima manfaat yang terkesan. Bantuan yang Islamic Relief berikan berbeza mengikut keperluan dan penilaian yang dijalankan," kongsi Zairulshahfuddin.

Penularan wabak COVID-19 ini bukan sahaja memberi kesan dari sudut ekonomi dan sosial, malahan juga dari sudut emosi. Zairulshahfuddin turut menerapkan aspek spiritual sewaktu melaksanakan agihan bantuan.

"Apabila berada di lapangan, niat kita untuk cuba berikan sedikit suntikan semangat, emosi dan sebagainya. Kadang-kadang apa yang kita berikan itu, berbalik semula kepada kita sehingga kita tertanya siapa yang memotivasikan siapa?

"Apabila melihat senyuman terukir di wajah mereka ketika menerima sumbangan yang diberikan, secara tidak langsung, kita juga akan turut termotivasi. Mungkin satu pek makanan bagi kita tidak ada apa-apa, tapi bagi mereka yang diuji, ia sangat memberi makna yang besar. Inilah hakikat dan kemanisan sebenar kerja kemanusiaan. Anda mengecapi kemanisannya apabila anda bahagia melihat orang lain juga bahagia. Anda berasa puas apabila dapat mengeluarkan seseorang itu daripada kesusahan yang sedang dialaminya," tambah Zairulshahfuddin.

JALINAN KERJASAMA BERI IMPAK BERGANDA



Tanpa noktah, Islamic Relief Malaysia terus giat menjalankan kerja-kerja amal dan kebajikan dalam membantu masyarakat yang sedang kesusahan. Dalam situasi pandemik COVID-19 yang penuh cabaran, pelbagai usaha dijalankan bagi memastikan bantuan yang diberikan hasil sumbangan orang ramai, sampai ke tangan mereka yang berhak menerimanya.

Namun, tanpa kemudahan fasiliti dan pengangkutan yang bersesuaian dan mencukupi, ia kadangkala merencatkan proses gerak kerja yang ingin dilaksanakan. Di Sabah, Islamic Relief Malaysia berbesar hati apabila menerima kerjasama yang baik daripada syarikat penerbangan MASwings Sdn Bhd sepanjang agihan bantuan kecemasan COVID-19 dijalankan di sana.

Zairulshahfuddin Zainal Abidin, Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Malaysia sangat mengalu-alukan kerjasama yang terjalin antara kedua-dua belah pihak sehingga termeterainya Memorandum Persefahaman (MOU) antara MASwings Sdn Bhd dan Islamic Relief Malaysia pada September 2020 yang ditandatangi bersama Ketua Pegawai Eksekutif MASwings iaitu En. Aminuddin Zakaria.

"Saya melihat, objektif yang sama iaitu untuk membantu penduduk Sabah yang terjejas COVID-19 telah menyatukan kami. Kerjasama yang terjalin ini telah memudahkan pihak kami untuk membawa barangan bantuan ke lokasi yang jauh termasuk Tawau, Sandakan dan Semporna."

"Antara barang bantuan yang dibawa hasil kerjasama ini adalah peralatan perubatan dan kelengkapan perlindungan diri (PPE) untuk beberapa siri bantuan.

"Sebagai sebuah NGO, kami sangat mengalu-alukan sebarang sokongan serta bantuan daripada pihak korporat, agensi kerajaan serta orang ramai bagi membantu meringankan beban penerima manfaat sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan dilaksanakan.

"Dengan MOU yang termeterai ini, insya-Allah gerak kerja Islamic Relief Malaysia dan MASwings Sdn Bhd akan lebih terancang dan terarah sehingga akhirnya, mereka yang menerima bantuan akan mendapat impak yang besar hasil daripada kerjasama ini," kata Zairulshahfuddin.





MULIANYA HATI RAKYAT MALAYSIA

Pada bulan Mei 2020, selepas 3 bulan dunia diuji dengan pandemik Covid-19, Islamic Relief Malaysia bertuah kerana dapat mengenali Pakcik Bukhari. Kejadian ini bermula apabila beliau mendengar sesi perkongsian Bro Zairul, Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Malaysia di BERNAMA Radio mengenai kesusahan dan keperitan masyarakat dalam menjalani ibadah puasa di bulan Ramadan ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Tanpa berlengah, dengan kudrat yang lemah pada usia 90 tahun, Pakcik Bukhari datang ke BERNAMA Radio menaiki teksi dari Malayan Mansion dengan membawa wang tunai sebanyak RM2,000 untuk diserahkan kepada Islamic Relief Malaysia, sedangkan sesi temu bual tersebut dilakukan secara dalam talian memandangkan perintah kawalan pergerakan sedang dilaksanakan.

Mujur Dj Ammar di BERNAMA Radio sempat bertemu Pakcik Bukhari dan mengambil wang sumbangan tersebut. Keihkhlasan dan kesungguhan warga emas ini memang patut dipuji. Dj Ammar memaklumkan kepada Pakcik Bukhari bahawa amanah wang sumbangan beliau akan diserahkan kepada Islamic Relief Malaysia secara perbankan dalam talian. Menarik lagi, Pakcik Bukhari baru sahaja menyambut ulang tahun kelahirannya yang ke-90 tahun sehari sebelum dia datang menyerahkan sumbangan ini.

Baru-baru ini, kami cuba menghubungi Pakcik Bukhari untuk bertanya khabar, namun nombor telefon beliau sudah tiada dalam perkhidmatan. Doa kami semoga Pakcik Bukhari terus dikurniakan kesihatan yang baik dan diberi ganjaran syurga atas kebaikan dan kesungguhan beliau untuk membantu insan memerlukan. Terima kasih Pakcik Bukhari kerana menjadi inspirasi buat kami.

Tahun 2021, pandemik Covid-19 masih berlarutan. Petanda untuk ujian ini berakhir masih belum kelihatan. Ramai yang semakin terbeban dan terjejas. Sebagai NGO yang sentiasa prihatin akan nasib insan memerlukan, Islamic Relief Malaysia terus aktif membantu dan menjalankan kempen bagi mengumpul dana untuk meneruskan kerja-kerja kebajikan yang telah dirangka.

Alhamdulillah, sumbangan tidak pernah putus meskipun ramai dalam kalangan para penyumbang tegar Islamic Relief Malaysia turut terjejas pendapatan akibat pandemik. Benarlah bagai dikata, rakyat Malaysia sangat pemurah dalam berkongsi rezeki dan bersedekah.

28 Jun 2021, Islamic Relief Malaysia berasa begitu terharu kerana menerima sumbangan bagi kempen Dana Wakaf Sistem Air (DWAS) daripada Allahyarham Md Husin yang telah meninggal dunia pada 27 Jun ketika usianya 81 tahun. Sumbangan ini telah disampaikan oleh anak beliau mengikut wasiat yang telah dititipkan kepada keluarganya.

Sewaktu hayatnya masih ada, Allahyarham berhasrat untuk mewakafkan sumbangan sebanyak RM1,000 bagi kempen DWAS. Sebanyak RM600 telah pun didermakan kepada Islamic Relief Malaysia menggunakan wang persaraannya, manakala baki RM400 tidak sempat untuk diserahkan kepada Islamic Relief malaysia ekoran perintah kawalan pergerakan dan ajal yang telah menjemputnya.

Semoga Allah memberkati amalan sedekah Allahyarham Md Husin dan mengurniakan ganjaran syuga tanpa hisab untuknya. Amin.

CHARITY SHOPPE ISLAMIC RELIEF MALAYSIA

Charity Shoppe Islamic Relief Malaysia adalah sebuah kedai kebajikan yang diuruskan oleh Islamic Relief Malaysia. Ia beroperasi menggunakan konsep jualan barangan terpakai hasil sumbangan orang ramai dan dijual pada harga yang berpatutan. Hasil yang diperolehi daripada jualan ini akan digunakan untuk menaja projek-projek kemanusiaan yang dilaksanakan oleh Islamic Relief. Para penderma dan penyumbang datang daripada pelbagai latar belakang sejajar dengan hala tuju Islamic Relief untuk mewujudkan dunia yang prihatin dalam kalangan masyarakat.

Sejak pandemik melanda, Charity Shoppe Islamic Relief Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan memulakan jualan secara dalam talian menerusi siaran langsung di Facebook dan turut menjual barangan tersebut di platform Carousell dan Shopee.

APA YANG ANDA BOLEH SUMBANGKAN?



WAKTU OPERASI:
9.00 pagi-5.00 petang

HARI:
Isnin-Jumaat
Sabtu, Ahad & Cuti Umum (Tutup)

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:
Charity Shoppe Islamic Relief Malaysia
A-05-G, Paragon Point, Jalan Medan PB5,
Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor

TELEFON: 03-8912 6334 **WHATSAPP:** 019-358 2088

"Di Malaysia, kita biasa dengar orang cakap pasal kedai ECO dan kedai RM2 ada 'saka', sebelum masuk, janji nak beli satu barang sahaja, tapi bila keluar kedai, penuh plastik di kiri dan kanan tangan. Sama juga dengan pengunjung di Charity Shoppe, sepanjang saya menguruskan jualan di kedai amal ini, para pengunjung Charity Shoppe juga suka borong barang banyak-banyak. Sebelum PKP, siap ada yang datang hari-hari untuk shopping di sini. Kadangkala, setiap pagi kami buka kedai, ada pelanggan yang sama akan datang, dia cakap berbaloi beli barang di Charity Shoppe.

"Disebabkan itu, kami akan sentiasa mengingatkan para penyumbang untuk menghantar barangan yang masih dalam keadaan elok. Bukan kami sahaja rasa seronok, malahan pembeli yang datang lagi seronok bila mereka sendiri tahu dan cakap, "eh barang ni sebenarnya mahal, tak sangka dapat beli dengan harga mampu milik di Charity Shoppe."

Yusmaruati Yusoff,
Pegawai Bahagian Penjanaan Dana, Islamic Relief Malaysia.

"Kalau dapat penyumbang yang bagus, memang satu bonus. Charity Shoppe pernah terima bungkusan yang diposkan dari Pulau Pinang sewaktu pandemik yang lalu. Isinya adalah beg tangan terpakai. Awalnya kami lihat hanya seperti longgokan beg tangan biasa, tetapi apabila kami cek semua beg tersebut, rupa-rupanya beg tangan tersebut diimport dari luar negara dan ada yang bernilai sehingga RM3,000. MashaAllah, bagus betul penyumbang ni."

Muhammad Firdaus Muhammad,
Pegawai Bahagian Penjanaan Dana, Islamic Relief Malaysia.

"HIDUPLAH UNTUK MEMBERI SEBANYAK- BANYAKNYA, BUKAN MENERIMA SEBANYAK-BANYAKNYA."

Melihat kepada kesungguhan dan kelincahan Nurul Asna Hidayah Mior Abdul Rahman dalam menyokong kerja-kerja kebajikan yang dijalankan Islamic Relief Malaysia sejak 2018, tiada siapa akan menyangka dahulunya anak muda ini pernah diberi ujian kesihatan sehingga terlantar sakit dan tidak mampu menguruskan dirinya sendiri.

"Daripada seorang petugas zoologi yang ligat ke sana dan ke sini, saya sebenarnya pernah diuji terlantar sakit selama tiga bulan dan terpaksa bergerak dengan bantuan kerusi roda selama enam bulan. Ujian daripada Allah ini banyak menyedarkan saya untuk lebih memahami dan empati akan keadaan orang lain. Dari situ saya mula sedar, betapa susahnya untuk kita teruskan kelangsungan hidup apabila pergerakan terbatas. Ia benar-benar mencabar kekuatan mental dan emosi kita.

"Antara doa yang selalu saya baca ialah, saya mohon jika Allah benarkan saya berjalan kembali, saya akan cuba semampunya untuk membantu orang-orang yang teruji atau terhalang oleh situasi semasa mahupun kekangan fizikal kerana saya sudah merasai betapa sukarnya hidup dalam kekurangan apatah lagi jika tiada yang hadir membantu.

"Jadi, apabila Allah izinkan saya untuk kembali berjalan, saya betul-betul tekad untuk terus aktif melibatkan diri dalam kerja-kerja kesukarelawan supaya seandainya 25 tahun lagi usia saya dipanjangkan, saya mahu ia dimanfaatkan untuk membantu mewujudkan dunia yang lebih baik dan harmoni," kata Nurul Asna Hidayah.



Meski Asna bekerja sepenuh masa dengan menjalankan perniagaan sendiri di Sarawak yang memfokuskan kepada bantuan pendidikan bagi kanak-kanak di kawasan luar bandar, sebagai salah seorang sukarelawan, dia tetap bersemangat menjalankan kerja-kerja pengumpulan dana bagi projek kebajikan Islamic Relief.

Antara usaha yang dilakukannya bersama sukarelawan lain ialah menganjurkan pertandingan e-sport yang dinamakan 'Gaming For Humanity'. Wang yang dikumpulkan telah disalurkan untuk pembinaan telaga air di Bangladesh yang telah siap dibina pada tahun 2020.

Selain itu, Asna juga terlibat sebagai Pengarah Program Charity Week Malaysia dalam aktiviti minggu kebajikan yang dijalankan oleh rangkaian Islamic Relief di lebih lima buah negara untuk membantu kempen MyYateem.

HAYATI ERTI SYUKUR MELALUI AKTIVITI KESUKARELAWAN

Nur Nabilah Mohd. Yusuf terpanggil untuk mencari erti hidup dengan melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan kerana merasakan ada sesuatu yang kurang dalam dirinya. Menurut anak muda yang berkelulusan sarjana dalam bidang Sains Bahan, Universiti Putra Malaysia (UPM) ini, dia berasa tidak puas jika segala nikmat yang dimiliki, hanya digunakan untuk manfaat diri sendiri tanpa menyumbang bakti kepada komuniti memerlukan.

"Saya mengenali Islamic Relief Malaysia menerusi Kursus Induksi Sukarelawan yang dianjurkan di kampus saya. Secara jujurnya, tujuan saya bergiat aktif dalam dunia kemanusiaan adalah untuk memperbaiki diri menjadi lebih baik. Terlalu banyak pengalaman berharga yang dapat saya saya pelajari.

"Antara kenangan yang masih segar dalam ingatan saya ketika berpeluang terlibat sebagai sukarelawan dalam Majlis Tilawah Al-Quran Braille anjuran Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan





Islam Malaysia (PERTIS). Pengalaman menyantuni mereka telah membuka mata saya. Ternyata, mereka ini meski tidak dapat melihat, namun tetap berupaya melakukan sesuatu tanpa pertolongan orang lain. Mereka sebenarnya insan yang sangat berdikari," kata Nabilah.

Menurutnya lagi, walaupun golongan OKU sama seperti manusia lain yang ingin disantuni, dunia mereka jauh berbeza. Disebabkan itu, kita perlu banyak bergaul dengan mereka supaya wujud persefahaman serta memudahkan proses jalinan kerjasama.

"Saya turut belajar, dalam keadaan kita merasakan ujian kita terlalu berat untuk dipikul, sebenarnya masih ramai lagi saudara kita di luar sana yang sedang berhadapan ujian hidup yang lebih dahsyat. Contohnya, lihat sahaja mereka yang diuji di negara-negara konflik. Meski peperangan, kematian dan keganasan berlaku di depan mata, namun mereka tetap mampu mengukir senyuman dan tetap tabah meneruskan kelangsungan hidup. Di sinilah saya belajar erti syukur atas segala nikmat dunia yang saya perolehi," kongsi Nabilah.

SEBAHAGIAN DARIPADA PENAMPILAN MEDIA



Mais, IRM bantu 44 keluarga

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) mengagihkan sumbangan makanan asas kepada 44 keluarga di Kampung Perigi Nanas, Pulau Indah pada 20 Ogos.

Mais memaklumkan sumbangan bersama pertubuhan bukan kerajaan Islamic Relief Malaysia (IRM) bertujuan meringankan beban keluarga susulan penularan Covid-19.

"Menjadi tanggungjawab Mais memenuhi keperluan muslim di Selangor dalam keadaan bencana dan pasca bencana.

"Mais dan IRM harap sumbangan ini dapat menceriakan keluarga dan meringankan sedikit bebanan mereka ketika berhadapan dengan pandemik Covid-19," katanya.

Sisterhood Winter Mission galas misi besar



IRM, MRA, syarikat penerbangan bantu *frontliners*, orang ramai

DIARI RAUDAH





BERNAMA

Malaysians Bridging Barriers Across Borders





Islamic Relief lancar kempen Ramadan Bersama-sama










NONA

Selebriti 'COVID Fighter' Turun Padang Bantu Masyarakat Demi Misi Islamic Relief Malaysia







Peluang sertai ibadah korban

KUALA LUMPUR: Islamic Relief Malaysia (IRM) menerima tempahan sebanyak 1,450 bahagian korban daripada rakyat Malaysia bersempena Aidiladha tahun ini.

IRM dalam kenyataannya semalam berkata jumlah itu adalah untuk tujuh pakej bernilai antara RM320 hingga RM1,500 satu bahagian dan tujuan melibatkan 31 negara seperti Niger, Mali, Maluwi, Chad, Somalia, Yaman, Palestin, Syria, Myanmar, Afrika Selatan, Turki dan Palestin.

Menurut kenyataan itu, IRM masih membuka peluang untuk menaja 346 bahagian lagi sehingga tarikh tutup penyertaan pada 24 Julai ini.

"Kami menyeru kepada rakyat Malaysia yang berkemampuan untuk menaja bahagian korban terutamanya Pakej C bernilai RM500 satu bahagian untuk negara Bangladesh, Afghanistan dan Pakistan; Pakej D bernilai RM750 untuk Malaysia, Sudan Selatan, Chechnya, Sudan, Filipina dan India serta Pakej F bernilai RM1,200 untuk Bosnia, Jordan, Lubnan, Macedonia dan Indonesia," kata IRM.

Sumbangan boleh disalurkan ke akaun Bank Islam IRM - 12 029 01 006564 3 atau CIMB Islamic - 860 2075018.

Bantar slip bayaran berserta nama pemegang akaun, nombor MyKad, nombor telefon, alamat, e-mel dan penama korban kepada donation@islamic-relief.org.my atau Whatsapp ke talian 0196370780 untuk bukan resit dan sijil. — Bernama

MalaysiaGazette

Penderitaan penduduk Syria jangan kita lupakan



Lebih ramai golongan B40 diberi latihan keusahawanan



18 IPT sertai DETAK 2020




中國報





beautifulnara

Irma Hasmie Akui Kehidupan Daif Pelarian Syria Mengajar Dirinya Untuk Lebih Bersyukur



"Medan yang perlu dibantu sangat banyak. Ianya seperti satu bulatan yang luas, sedangkan usaha kita mungkin hanya sekadar segelas air sahaja. Disebabkan itu, gerak kerja bantuan perlu terus diperkukuhkan dengan mengambil semangat 'fastabiqul khairat' agar 811 juta orang di seluruh dunia yang sedang tidur dalam kelaparan ketika ini berjaya dibantu."

Zairulshahfuddin Zainal Abidin,
Ketua Pegawai Eksekutif
Islamic Relief Malaysia



AGIHAN SUMBANGAN COVID-19

SENARAI AGIHAN BANTUAN COVID-19

01 Antarabangsa-2020

Bantuan Makanan Panas di Gaza, Palestin

Bantuan: Makanan Panas

Jumlah Penerima Manfaat:

1,582 Individu

Bantuan COVID-19 di Sepanyol

Bantuan: Pek Makanan

Jumlah Penerima Manfaat:

>13,000 Individu

Bantuan Kecemasan COVID-19 di Bosnia & Herzegovina

Bantuan: Kit Kebersihan (gel pembasmi kuman, pencuci tangan, sarung tangan, pelitup muka & risalah mengenai COVID-19

Jumlah Penerima Manfaat:

2,750 Individu

02 Malaysia - 2020

Bantuan Kecemasan COVID-19

Lokasi: Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pulau Pinang, Perlis, Kelantan, Sabah, Sarawak

Bantuan: Pek Makanan, Bantuan Tunai, Set Pakaian Perlindungan Diri (PPE), Pelitup Muka, Peti Sejuk Farmaseutikal, Termometer, Pembersih Tangan, Katil Hospital, Kit Kebersihan, Bantuan Perubatan, Alat Jahitan & Kain

Jumlah Penerima Manfaat:

7,085 Individu

03 Malaysia - 2021

Bantuan Kecemasan COVID-19

Lokasi: Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Melaka, Johor, Kedah, Perak, Pulau Pinang, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sabah, Sarawak

Bantuan: Pek Makanan, Kit Kebersihan, Kit Perubatan, Barangan Keperluan Bayi & Dewasa, Bantuan Tunai, Pelitup Muka, Pembersihan Tangan

Jumlah Penerima Manfaat:

11,820 Individu

TERJEJAS COVID-19: BAYI TERPAKSA MINUM AIR DICAMPUR SEDIKIT GULA ATAU SUSU PEKAT MANIS

Umum mengetahui, impak pandemik COVID-19 sangat besar. Menurut kakitangan Islamic Relief Malaysia di Sabah, golongan paling sukar yang terkesan akibat wabak ini di negeri tersebut adalah komuniti pelarian atau 'stateless'.

"Kami tiada kad pengenalan diri. Kami hanyalah pelarian yang menumpang di sini. Hidup kami tentu sahaja lebih sukar kerana tiada tempat dan tidak tahu arah tujuan untuk meminta bantuan. Ketika PKP mula dilaksanakan pada Mac 2020, hidup kami menjadi bertambah sukar. Anak saya yang masih bayi hanya minum air yang dicampur sedikit gula atau susu pekat manis agar kelihatan seperti susu walaupun hanya sekadarnya sahaja.

"Bukan saya tidak mahu memberi susu badan, namun saya sendiri sering mengikat perut. Sedih dan sayu melihat anak-anak menangis kelaparan.





"Tiada apa yang dapat diberikan untuk mengenyangkan perut mereka," kata Mezah Basir.

Berpegang teguh kepada misi pertubuhan, Islamic Relief Malaysia telah menyalurkan pelbagai jenis bantuan kepada penduduk terjejas di Sabah meliputi pelbagai golongan sasaran.

Dengan kerjasama daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN), rakan NGO, pihak berkuasa tempatan di Sabah dan tidak lupa juga syarikat penerbangan MASwings, ramai individu terjejas berjaya dibantu. Alhamdulillah.



IMPAK COVID-19 BERI TEKANAN BERGANDA BUAT PENDUDUK GAZA



Gaza tidak terkecuali daripada ancaman pandemik COVID-19. Ketika perintah berkurung dilaksanakan dan penduduk Gaza terbeban dengan pelbagai sekatan daripada kuasa asing, kakitangan Islamic Relief tetap terus mengedarkan bantuan makanan.

"Dalam keluarga ini, hanya saya seorang sahaja yang bekerja. Walaupun gaji yang saya perolehi sedikit, namun saya tidak mahu meminta-minta daripada orang lain. COVID-19 menyebabkan saya hilang pekerjaan. Dahulu, saya bekerja sebagai guru tadika. Saya cuba untuk mencari pekerjaan lain, tapi keadaan sangat sukar. Saya pun tak tahu bila saya dapat kembali bekerja semula.

"Saya juga tidak tahu apa lagi yang perlu dilakukan untuk meneruskan kehidupan dalam keadaan begini," kata Alaa, ibu tunggal dengan dua orang anak.

Di Gaza sahaja, Islamic Relief Malaysia telah memberi respon awal ketika pandemik dengan menyalurkan bantuan makanan panas untuk individu yang dikuarantin sewaktu bulan Ramadan dan selepas bulan puasa.

Secara keseluruhan, 7,695 set makanan panas telah diedarkan hasil sumbangan rakyat Malaysia.








Food Distribution Programme
Dana Ihsan COVID-19 ILTIZ
















DEWAN PERDANA
FSSK








Terima kasih kerana sudi hadir ke
sini walaupun kami tinggal jauh di seberang sungai.
Dengan adanya bantuan ini, dapatlah mengurangkan
tekanan yang kami hadapi untuk menyediakan
makanan buat anak-anak yang masih kecil.
Semoga Allah melipatgandakan pahala
kepada semua yang membantu
kami. Amin."

Dahlia Abdullah,
penerima manfaat program bantuan
COVID-19 di Sabah



PROJEK LOKAL

SENARAI PROJEK



SENARAI PROJEK



"TERIMA KASIH SEBAB SANGGUP MEREDAH AIR BANJIR TOLONG MAK IPAH..."

"Kami memang pernah merasa pengalaman banjir sebelum ini, tapi inilah pengalaman paling teruk. Kali terakhir rumah kami kena banjir pada tahun 2016. Waktu itu, air hanya naik sampai paras tingkap di tingkat atas rumah sahaja.

"Sewaktu hari Jumaat, 31 haribulan, Mak Ipah ada dengar bunyi yang kuat dan bergema seperti meriam. Jadi, Mak Ipah pun tanya pada suami, bunyi apa agaknya tu. Suami Mak Ipah jawab, mungkin itu bunyi anak jiran sedang main mercun.

"Keesokan harinya, Sabtu, 1 haribulan tahun baru, ketua kampung datang ke rumah dan mengajak kami berpindah ke PPS, memandangkan hujan masih berterusan sejak semalam. Jadi, kami pun ikut cakap ketua kampung dan pindah ke PPS.

"Sebelum ini, biasanya apabila air naik baru kami pindah ke PPS. Entah mengapa kali ini, kami bergerak awal. Waktu itu, Mak Ipah cuba sedapkan hati, mungkin ada baiknya kami pindah awal memandangkan kami hanya tinggal berdua sahaja di rumah ini," kata Mak Ipah.

"Air naik sangat laju. Rumah Mak Ipah ni dua tingkat dan terletak di kawasan yang agak rendah berbanding rumah penduduk lain. Jadinya, rumah kami memang habis tenggelam sepenuhnya. Hanya nampak sedikit atap sahaja.

"Mujur kami berpindah ke PPS lebih awal. Kalau tidak, mungkin kami sudah tenggelam di dalam air. Alhamdulillah, Allah nak panjangkan umur kami berdua. Walaupun barang-barang tak dapat diselamatkan, tetapi nyawa kami selamat," cerita Mak Ipah penuh syukur.



Selepas lapan hari berada di PPS, Mak Ipah kembali untuk melihat keadaan rumahnya meskipun air masih belum surut sepenuhnya. Rumah Mak Ipah di tingkat bawah masih ditenggelami air sehingga paras tingkap.

Sewaktu kakitangan Islamic Relief Malaysia dan sukarelawan daripada UiTM Cawangan Melaka hadir untuk membantu di kawasan itu, kelihatan Mak Ipah sedang mengangkat barang-barang sambil meredah air banjir yang masih berada di paras dada.

"Masa mula-mula masuk rumah tadi, Mak Ipah tengok keadaan rumah tunggang-langgang. Peti ais dan tong gas terbalik. Barang-barang semuanya rosak. Air di rumah orang lain semua dah surut, tetapi rumah kami masih ditenggelami air kerana kedudukan rumah ini rendah. Kadangkala ambil masa 10 hari nak tunggu air surut sepenuhnya.

"Terima kasih pada kamu semua yang datang bantu Mak Ipah keluarkan barang-barang dari rumah dan bantu cuci rumah Mak Ipah. Terima kasih sebab sanggup meredah air banjir untuk bantu Mak Ipah," ucap Mak Ipah dalam sebak.

"TAK ADA MAKANAN, SEDIH TENGOK ANAK LAPAR."



Setelah lebih setahun pandemik COVID-19 merencatkan aktiviti penduduk di seluruh dunia termasuk kerja-kerja kebajikan dan kemanusiaan, kakitangan serta Ikon Kemanusiaan Islamic Relief Malaysia bekerjasama menjalankan program Fresh4Them bagi menyantuni golongan terjejas di sekitar Lembah Klang.

Antara ikon yang terlibat dalam sesi ziarah dan edaran bantuan makanan ini ialah Irma Hasmie, Diana Amir, Azalinor dan Zuhaidi dari kumpulan Saujana.

"Suami saya bekerja sebagai pengawal keselamatan. Sejak pandemik melanda dan PKP dilaksanakan, suami saya selalu dapat gaji lambat. Kadangkala majikan akan bayar secara ansuran, 2 kali sebulan. Kami pernah merasa terputus bekalan makanan, mujur ada yang datang bantu.

"Suami saya ada ambil bantuan i-lestari, jadi dapatlah juga menampung perbelanjaan kami sekeluarga. Kalau nak cerita tentang kesusahan yang kami lalui, memang rasa nak menangis bila diingat. Kami pernah lalui saat-saat duit langsung tak ada sedangkan kami perlu beli susu anak. Jadi, terpaksa tebalkan muka pinjam duit daripada orang.

"Bila keadaan susah macam ini, kami hanya fikir keadaan dan nasib anak-anak sahaja. Mereka masih kecil, tak tau apa-apa. Yang mereka tau, celik mata, perut lapar nak makan. Mujur anak-anak tak memilih makanan, apa yang ada semua mereka makan, tapi kalau memang makanan langsung tak ada, memang tak tau nak buat apa.

"Saya harap ujian yang kita semua lalui ini akan berakhir cepat. Sedih bila tengok anak-anak menangis lapar tapi tak ada makanan yang boleh kita suapkan. Moga kita sama-sama dapat harungi ujian ini dengan cekal," kata Norazlina Ismail.

Norazlina dan keluarganya sangat gembira menerima kehadiran Irma Hasmie dan kakitangan Islamic Relief Malaysia. Anak-anaknya juga seronok apabila melihat pelbagai jenis makanan yang diberikan.

Menurut Irma Hasmie, momen menyantuni penerima manfaat dan mendengar luahan mereka inilah yang selalu dirinduinya ketika kita semua tidak dapat keluar dan terhalang daripada menyalurkan bantuan seperti biasa.

Peluang dapat mengikuti program Fresh4Them ini telah membuatkan Irma rasa lebih bersemangat untuk terus terlibat dalam kerja-kerja kebajikan.



HULUR BANTUAN TANPA MENGIRA PERBEZAAN



Meskipun komuniti Bajau Laut sudah lama tinggal di kawasan perkampungan atas air di Sabah, namun tidak dinafikan masih ramai masyarakat di luar sana yang tidak tahu kewujudan mereka.

Kekangan dan cabaran untuk masuk ke kawasan ini merupakan antara sebab mereka jarang mendapat perhatian, selain isu status dan ketiadaan maklumat pengenalan diri.

"Kehidupan sebagai pelarian atau 'stateless' yang tidak mempunyai pengiktirafan kerakyatan mana-mana negara membuatkan kami sukar untuk mendapatkan bantuan. Kami terpaksa mengharungi segala kepayahan sendiri. Tidak tahu ke mana harus dituju jika ingin mengadu nasib.

"Terima kasih Islamic Relief Malaysia dan semua yang membantu kami di sini. Terima kasih kerana sudi hadir ke kawasan ini walaupun kami tinggal jauh di seberang sungai.

"Kami sangat menghargai bantuan dan sumbangan yang diberikan. Dengan adanya bantuan ini, dapatlah mengurangkan tekanan yang kami hadapi untuk menyediakan makanan buat anak-anak yang masih kecil.

"Semoga Allah melipatgandakan pahala kepada semua yang membantu," kata Dahlia Abdullah, salah seorang komuniti 'stateless' di Sandakan, Sabah.

Berkat kerjasama Islamic Relief Malaysia, rakan NGO dan pihak berkuasa tempatan di Sabah serta syarikat penerbangan MASwings, ramai penduduk terjejas pandemik berjaya disantuni tanpa mengira apa jua bentuk perbezaan mahupun isu latar belakang.

Prinsip kemanusiaan merentasi sempadan yang menjadi teras dalam kerja-kerja kebajikan yang dijalankan sedikit sebanyak diharapkan dapat mengubat duka mereka yang diuji seterusnya membuktikan kewujudan mereka tidak pernah dipinggirkan sama sekali.





NILAINYA BESAR BUAT MEREKA

"Kehidupan sebagai ibu tunggal sangat mencabar. Dalam keadaan anak-anak yang masih kecil dan bersekolah, banyak perbelanjaan yang diperlukan untuk membesarkan mereka.

"Purata pendapatan saya hasil menjual makanan sekitar RM150 sebulan. Kalau nak dikira, memang tak cukup untuk menampung keperluan kami lima beranak, tetapi saya tetap bersyukur dengan rezeki yang ada.

"Saya rasa sangat terhutang budi dengan Islamic Relief Malaysia kerana banyak membantu komuniti ibu tunggal untuk terus bangkit meneruskan kehidupan.





"Bagi saya, bantuan yang diberikan menerusi projek Our Saudara telah memberi impak besar dalam menambah baik sumber pendapatan saya. Berkat ilmu pengurusan kewangan dan perniagaan yang diajar serta alatan perniagaan yang dibekalkan, saya dapat meningkatkan hasil keuntungan jualan makanan yang saya usahakan sehingga mencecah RM2,500 sebulan.

"Bagi sesetengah orang, mungkin nilai tersebut tidak seberapa, namun ia amat besar bagi saya. Dengan pendapatan itu, saya dapat membeli keperluan dapur, menyediakan keperluan sekolah anak-anak dan juga menyimpan untuk kegunaan masa hadapan atau ketika kecemasan.

"Terima kasih Islamic Relief Malaysia dan terima kasih para penyumbang. Doa saya semoga projek Our Saudara diteruskan lagi supaya lebih ramai orang dapat beroleh manfaat serta keluar dari kemiskinan yang menghimpit," kata Nurul Emylia Abdullah.

CHEER TO SCHOOL RAI PELAJAR KEMBALI KE SEKOLAH

Meskipun negara berhadapan dengan penularan COVID-19, Islamic Relief Malaysia menerusi projek "Cheer To School" (CTS) terus proaktif membantu pelajar yang memerlukan bagi meringankan beban golongan rentan dalam menyediakan kelengkapan persekolahan selain menyuntik semangat para pelajar untuk terus menimba ilmu dengan bersungguh-sungguh.

"Biasanya, untuk menjimatkan kos, anak saya akan memakai pakaian abang mereka tetapi kali ini mereka dapat pakaian baru. Mereka sangat gembira.

"Terima kasih para penyumbang yang membantu kami dan terima kasih Islamic Relief Malaysia kerana memberi bantuan secara menyeluruh tanpa mengira bangsa," kata D Harshinny a/p Vijayan, ibu salah seorang pelajar SJK (Tamil) Dengkil.

Cheer To School adalah medium jaringan kolaborasi yang sangat strategik dalam menggabungkan pelbagai pihak seperti sekolah, penerima manfaat, kakitangan Islamic Relief Malaysia seterusnya para penyumbang yang dermawan.

Antara kriteria penerima bantuan, melibatkan para pelajar daripada keluarga atau penjaga B40 dan ke bawah, asnaf, yatim piatu, orang kelainan upaya (OKU), ibu tunggal, pesakit kronik serta mengambil kira bilangan ahli keluarga yang ramai.

"Bantuan yang kalian berikan kepada para pelajar sekolah ini, memang banyak meringankan beban ibu bapa mereka.

"Selama 10 tahun saya berkhidmat sebagai guru besar, ini kali pertama saya menerima kehadiran NGO Islam datang membantu SJK (Tamil). Pada awalnya saya rasa was-was dan tidak percaya. Namun, apabila pihak Islamic Relief Malaysia selalu berhubung dengan kami tentang bantuan yang bakal diberikan, kami mula rasa yakin. Ini juga kali pertama sekolah ini menerima sumbangan daripada pihak NGO untuk kapasiti pelajar yang ramai iaitu sekitar 143 orang. Kami sangat terharu dengan inisiatif Islamic Relief Malaysia yang membantu tanpa mengira agama dan bangsa."



"Kita semua tahu, pandemik yang melanda ketika ini adalah ujian Tuhan. Dalam tempoh sukar ini, kita tidak boleh mengira perbezaan bangsa mahupun agama. Kita perlu bantu semua orang yang susah, semarakkan semangat keprihatinan dan jalankan kerja-kerja kemanusiaan bersama-sama. Saya memang sangat terharu dengan usaha dan bantuan yang disalurkan Islamic Relief Malaysia untuk para pelajar di SJK Tamil ini," kata Pushpa a/p D.Raman, Guru Besar SJK (Tamil) Dengkil.

PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA

"Saya datang ke Malaysia pada tahun 2015 dengan menaiki bot. Kira-kira dua bulan kami sekeluarga berada di laut sebelum tiba ke sini.

"Setelah sampai di Malaysia, kami terpaksa menumpang di rumah saudara. Ayah saya sudah berhijrah ke Malaysia lebih awal daripada kami. Ketika itu, ayah saya bekerja di sebuah restoran di Kajang bersama abang sulung saya.

"Saya mempunyai lima orang adik-beradik dan saya merupakan anak kedua bongsu. Hidup kami agak susah. Saya masih ingat kami hanya makan nasi bersama sedikit cili.

"Saya sangat bersyukur kerana dapat belajar di Refugee Intellectual Skills & Excellence (RISE), di Kajang. Banyak ilmu yang saya pelajari di pusat bimbingan alternatif di bawah seliaan Islamic Relief Malaysia ini.

"Sewaktu pandemik COVID-19 melanda, saya dan kawan-kawan lain rasa sangat sedih kerana sekolah terpaksa ditutup. Apa yang menyedihkan lagi, saya tidak dapat mengikuti proses pembelajaran secara 'online' kerana saya tidak mempunyai kemudahan telefon pintar. Jadi, saya terpaksa belajar sendiri di rumah atau menunggu kehadiran guru ke kawasan perumahan kami untuk menyerahkan nota dan latihan pembelajaran. Hanya ketika itu sahaja saya dapat bertemu dan bertanya soalan sekiranya ada mata pelajaran yang tidak difahami. Bagaimanapun, kekangan masa sangat terhad.

"Saya sangat merindui suasana pembelajaran di sekolah. Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), saya hanya



berkurung di rumah membuat latihan dan juga membantu ibu menjaga adik.

"Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk belajar di sini. Doakan saya berjaya mengejar cita-cita untuk menjadi seorang ustaz," kata Arshad Husin, salah seorang pelajar RISE.

Pendidikan merupakan salah satu sektor bantuan yang amat dititikberatkan oleh Islamic Relief kerana ia dilihat boleh menjadi salah satu cara dalam usaha memutuskan rantaian kemiskinan dalam kalangan golongan rentan.

Berpegang kepada prinsip pendidikan adalah hak milik setiap insan, Islamic Relief berharap RISE akan terus menjadi platform buat anak-anak pelarian ini menimba ilmu sebanyak-banyaknya agar dapat kembali berbakti serta membangunkan komuniti mereka kelak.


















Qurban Sabah






PENTADBIRAN
HOSPITAL PUTRAJAYA




Jabatan Radiologi
(X-Ray)








COVID-19 APPEAL
#Share The Joy


西连中华公学综合大礼堂
DEWAN SERBAGUNA SJK CHUNG HUA SERIAN










CHEER TO SCHOOL


CHEER TO SCHOOL










"Dulu, ada sebuah empangan besar di kampung ini yang dapat membekalkan air kepada penduduk setempat selama lebih enam bulan. Namun kini, empangan tersebut sudah kering-kontang. Kehidupan kami semakin hari semakin terdesak. Kami sangat perlukan bantuan untuk terus hidup."

Nour, Ketua Kampung di Warcimran, Somalia



PROJEK ANTARABANGSA

SENARAI PROJEK 2020/2021



- Bantuan Musim Sejuk
- Bantuan Kecemasan untuk Pelarian Baharu di Idlib
- Bantuan Musim Sejuk untuk Keluarga Syria dan Pelarian Syria di Turki
- Bantuan Ternakan dan Pertanian untuk Keluarga Memerlukan di Utara Aleppo

- Bantuan Kecemasan dan Sokongan Baik Pulih untuk Keluarga Terjejas Letupan di Beirut

- Bantuan Kehidupan Mampan untuk Anak Yatim dan Keluarga Memerlukan Menerusi Projek Tanaman dan Ternakan

- Bantuan Kecemasan COVID-19

- Bantuan Kecemasan COVID-19

- Bantuan Musim Sejuk untuk Keluarga & Pelarian Syria di Turkiye
- Bantuan Kecemasan untuk Keluarga Terjejas Gempa Bumi di Izmir

- Projek Rayuan Kecemasan
- Sumbangan Hari Raya untuk Anak Yatim di Gaza
- Bantuan Kecemasan bagi Penduduk Terjejas Krisis di Gaza
- Bantuan Makanan Panas untuk Penduduk yang Dikuarantin di Gaza

- Sumbangan Hari Raya untuk Anak Yatim

- Projek Telaga Air di Nugaal

- Sokongan Air & Kebersihan untuk Keluarga di Chikwawa
- Kemudahan Sanitasi untuk Keluarga Terjejas Banjir

- Bantuan Kecemasan Makanan untuk Menyelamatkan Nyawa di Lahj

- Bantuan Kecemasan Gempa Bumi Mirpur (MEER)
- Projek Air, Sanitasi & Kebersihan di Wilayah Quetta, Balochistan

- Bantuan Infrastruktur Pendidikan untuk Kanak-Kanak Perempuan di Wilayah Godda, Jharkhand (Fasa 2)

- Projek Keusahawanan-Mikro untuk Wanita Luar Bandar bagi Kehidupan Mampan (SEED)
- Kemudahan Akses Air di Utara Bangladesh (FWAB)

- Projek Sokongan Sekuriti Makanan dan Perlindungan untuk IDPs di Maguindanao (MAGIS)

- Bantuan Kecemasan di Sulawesi Barat 2021
- Projek Alternatif Kehidupan Mampan bagi Keluarga di bawah Tajaan Anak Yatim (ALO)



SYRIA

TRAUMA ANAK GAZA

Hudna merupakan salah seorang daripada ratusan ribu anak kecil dari Gaza yang tersepit dalam kancah peperangan. Riak wajahnya jelas menggambarkan rasa sedih dan takut atas apa yang berlaku. Ayah Hudna telah meninggal dunia ketika dia berumur empat tahun. Sejak itu, mereka terpaksa tinggal bersama keluarga ayahnya.

"Sebenarnya, Hudna pernah melalui pengalaman yang sangat buruk. Dia pernah diikat menggunakan wayar eletrik di bahagian leher serta diseksa oleh bapa saudaranya. Saya dan adik-beradik Hudna yang lain turut menjadi mangsa keganasan keluarga suami.

"Oleh kerana tidak tahan dengan keadaan yang berlaku, kami sekeluarga telah melarikan diri dan tinggal di sebuah bilik kecil. Sejak itu, saya fikir segala penderitaan kami telah berakhir, rupa-rupanya tidak.







"Kami berdepan masalah dengan Hudna. Dia menjadi kanak-kanak yang agresif dan bertindak memukul adik-beradiknya serta mencederakan dirinya sendiri.

"Apabila dia merasa takut atau marah, dia akan melarikan diri ke arah jalan hingga hampir meragut nyawanya. Kami dimaklumkan bahawa Hudna menghadapi penyakit 'Nocturnal Enuresis' yang berpunca daripada ketakutan yang dialami pada masa lalu.

"Mujur ada kakitangan Islamic Relief yang prihatin akan nasib kami. Hudna telah diberikan rawatan psikologi bagi mengatasi masalah sosial, psikologi dan tingkah lakunya menerusi projek sokongan psikososial.

"Alhamdulillah, kini keadaan Hudna semakin baik. Saya sangat bersyukur atas bantuan yang diberikan ini," kata ibu Hudna.

SEJUK MENCENGKAM KE TULANG

Di Malaysia, kematian disebabkan cuaca sejuk melampau mungkin kedengaran asing bagi kita. Namun, inilah realiti yang dialami golongan pelarian dan juga penduduk miskin di negara konflik yang menjalani kehidupan musim sejuk.

"Suami saya telah meninggal dunia akibat terkena serpihan bom yang jatuh berdekatan rumah ketika perkampungan kami diserang. Saya terpaksa melarikan diri dalam suasana malam yang sangat gelap bersama anak-anak yang masih kecil.

"Kami terpaksa berjalan kaki dalam jarak yang jauh. Mujur ada kereta yang menumpangkan kami sehingga ke kem pelarian di utara Syria.

"Sukar untuk digambarkan penderitaan hidup kami di kem pelarian ini. Saya terpaksa mengharungi segala kepayahan bersama anak-anak.

"Ketika musim sejuk, saya akan cuba mengumpul ranting kayu kerana tiada wang untuk membeli kayu api di pasar. Malangnya, ia hanya mampu bertahan untuk beberapa hari sahaja.







"Cuaca di sini sangat sejuk. Khemah yang kami diami ini diperbuat daripada kanvas biasa. Ia tidak cukup untuk melindungi kami daripada kesejukan yang mencengkam.

"Ada kalanya, kami terpaksa menumpang di khemah jiran untuk memanaskan badan. Namun, pada waktu malam kami terpaksa kembali ke khemah sendiri.

"Kini, sejak kami menerima bekalan arang daripada Islamic Relief, kami dapat tinggal di dalam khemah sendiri dengan selesa tanpa perlu risau tentang bekalan bahan bakar.

"Nikmat ini membuatkan saya teringat akan kehidupan kami yang bahagia sebelum peperangan tercetus. Saya sentiasa berdoa kepada Allah, semoga kami semua dapat pulang ke rumah kami kembali dan hidup aman damai bersama sauda-ra-mara juga jiran tetangga yang sudah terpisah sekian lama," kata Umm Abdo.

BAGAI MIMPI JADI NYATA

Kemudahan mendapatkan sumber air bersih dan selamat di Bangladesh, masih berada di tahap yang rendah. Kemiskinan dan desakan hidup memaksa puluhan juta penduduk Bangladesh menggunakan air yang dicemari racun arsenik untuk kegunaan harian meskipun mereka sudah tahu akan kesan dan impaknya kerana tiada pilihan lain.

"Suami saya bekerja sebagai petani, pendapatannya memang tidak cukup untuk menampung keperluan kami lima beranak.

"Masalah ketiadaan sumber air bersih menambahkan lagi keperitan hidup yang kami lalui. Setiap hari, saya terpaksa berjalan jauh untuk mengangkut air. Ketika musim panas, penat yang dirasa, berkali ganda.

"Meski air yang diambil sudah tercemar, namun kami tiada pilihan. Kesannya, keluarga saya sering dijangkiti penyakit bawaan air.







Suatu hari, saya telah bertemu dengan kakitangan Islamic Relief dalam pertemuan bersama komuniti setempat bagi membincangkan projek pembinaan pam air. Dengan nekad, saya telah mencadangkan kawasan penempatan saya di Madhupur, Tangail sebagai lokasi pembinaan dan menceritakan segala keperitan yang terpaksa kami lalui untuk mendapatkan sumber air sejak sekian lama.

"Setelah sesi tinjauan dan penilaian dilakukan, akhirnya impian kami mula menjadi nyata.

"Saya tidak perlu lagi berjalan kaki untuk mengangkut air yang sudah tercemar. Tak sangka, penderitaan yang kami lalui bertahun-tahun kini sudah berakhir.

"Suami saya pula telah dilantik sebagai salah seorang ahli jawatankuasa yang bertanggungjawab menjaga pam air ini. Dia dan rakan-rakannya telah diberikan kursus dan latihan untuk mengendali juga membaik pulih kemudahan ini. Terima kasih Islamic Relief dan semua yang membantu kami," kata Rahima Begum.

TANDAS UBAH HIDUP PENDUDUK SIGI



September 2018, Sulawesi pernah digemparkan dengan tragedi gempa bumi dan tsunami. Palu, Sigi dan Donggala merupakan kawasan yang paling teruk terjejas bencana.

Ramai penduduk hilang tempat tinggal dan terpaksa hidup bergelandangan.

"Sewaktu kejadian gempa bumi berlaku, rumah saya mengalami gegaran hingga membuatkan saya terjatuh. Dalam keadaan kecemasan itu, saya segera keluar dari rumah untuk mendapatkan bantuan. Di luar, saya lihat banyak rumah telah musnah dan orang ramai berlari ke kawasan yang lebih tinggi untuk menyelamatkan diri.

"Selepas bencana melanda, saya terpaksa tinggal di dalam khemah selama setahun. Gempa bumi itu bukan sahaja meranapkan rumah, malahan perniagaan saya juga musnah. Tiada apa yang tinggal.

"Kemusnahan yang berlaku telah mengakibatkan kawasan penempatan kami dijangkiti penyakit diarea ekoran masalah kebersihan serta aktiviti pembuangan najis yang tidak diurus dengan baik.

"Mujur ada Islamic Relief datang membantu menerusi projek pembinaan tandas. Penduduk setempat turut mendapat manfaat seperti peluang pekerjaan daripada kerja-kerja pertukangan binaan dan tandas tersebut.

"Impaknya, penyakit bawaan air yang menular dapat dikawal daripada terus merebak," kata Amran, salah seorang penduduk OKU di kampung Langgaleso, Sigi, Sulawesi yang terjejas.

TERNAKAN: LANGKAH TANGANI ISU KETERJAMINAN MAKANAN

Kemiskinan dan isu kekurangan bekalan makanan merupakan antara masalah yang banyak dihadapi oleh penduduk luar bandar di Kosova. Tekanan ini pastinya lebih membebankan bagi golongan warga emas, ibu tunggal dan juga anak yatim.

Kajian mendapati jika sesebuah keluarga di kawasan luar bandar tidak menjalankan aktiviti penternakan, keluarga tersebut cenderung untuk mempunyai masalah kesihatan akibat ketidakmampuan untuk membeli makanan berkhasiat.

"Setiap hari kehidupan kami semakin sukar, lebih-lebih lagi orang tua seperti saya yang mempunyai 9 orang tanggungan. Masalah kesihatan yang saya hidapi ini juga membuatkan saya rasa sayalah orang yang paling tak bernasib baik di dunia ini.







"Di kala saya sudah putus harapan, tak sangka Allah datangkan khabar gembira dengan bantuan pemberian tiga ekor kambing, seekor lembu dan baka anak ayam untuk ternakan.

"Daripada ternakan tersebut, saya dapat menjual keju yang diproses daripada lembu. Hasil jualan pula digunakan untuk membeli ubat-ubatan dan makanan berkhasiat buat anak-anak. Kini, kesihatan saya juga semakin baik.

"Selain haiwan ternakan, saya juga diberi peluang untuk mengusahakan tanaman raspberi. Hasil tuaian, anak-anak saya jual di pasar bagi menambah sumber pendapatan," kata Ajnishahe penerima bantuan projek ternakan dan tenusu di Kosova.

SURAT DARI MUJTABA UNTUK IBU



Di seluruh dunia, terdapat kira-kira 140 juta anak yatim direkodkan. Angka ini saban tahun kian bertambah disebabkan peperangan, bencana alam, wabak penyakit, kemiskinan dan perpindahan beramai-ramai.

Apa yang membimbangkan apabila berbicara tentang nasib anak yatim adalah mereka cenderung berdepan masalah kewangan, sakit mental dan tekanan emosi. Mereka juga sukar mendapat peluang pendidikan kerana kemiskinan yang menghimpit.

Mendapat peluang memanggil ibu dan ayah meski hanya lewat utusan surat, nyata memberi satu penghormatan yang besar buat Mujtaba, anak yatim dari Afghanistan yang mendapat tajaan pembiayaan wang secara bulanan daripada sepasang suami isteri di Malaysia melalui projek Penajaan Al-Yateem.

"Tak terungkap rasanya betapa gembiranya saya apabila dapat mengenali juga memanggil orang yang telah membantu kami sekeluarga sebagai ibu dan ayah walaupun hanya menerusi kiriman surat.

"Saya sangat bangga mempunyai ibu dan ayah angkat di Malaysia. Saya rasa teruja setiap kali menerima surat dan membaca isi kandungannya.

"Di sini, saya mempunyai empat orang kakak. Apabila ibu dan ayah angkat menceritakan bahawa mereka mempunyai anak lelaki dan saya boleh menganggapnya sebagai adik lelaki saya, saya rasa sangat gembira.

"Saya harap, suatu hari nanti saya dapat bertemu dengan ibu, ayah dan adik di Malaysia.

"Saya sangat terhutang budi kepada mereka. Tanpa sokongan bantuan daripada mereka, mungkin saya tidak dapat meneruskan persekolahan kerana kesempitan wang," kata Mujtaba.

Mujtaba kini sedang belajar di kelas 2. Ibu Mujtaba bekerja di kilang untuk menyara kehidupan mereka enam beranak. Menurut Mujtaba, dewasa kelak dia mahu menjadi seorang jurutera yang berjaya dan membantu ibu serta kakak-kakaknya.






Islamic Relief
Philippines
Maguindanao
IDP Support for
Food Security &
Protection
17 712 5537




মাসিক সভা


















RKOK








CORONAVIRUS


Emergency Food Assistance




GENCY RESPONSE TO THE
AD OF THE COVID-19 INFECTION
A | 2020
ISLAMIC RELIEF
Spain




Emergency
Funded by:
Islamic Relief








CORONAVIRUS




2020


LEBANON
EMERGENCY
APPEAL
2020

"Dalam keadaan yang tidak stabil ketika ini, kami berdepan masalah kekurangan pekerjaan dan terpaksa hidup dalam ketakutan. Sukar untuk kami mendapatkan sumber makanan. Dalam keluarga, hanya abang saya seorang sahaja yang bekerja. Pendapatannya pula tidak menentu kerana dia hanya mendapat upah gaji harian. Mujur ada NGO seperti Islamic Relief yang prihatin terhadap nasib golongan memerlukan dan OKU seperti saya. Seandainya ada yang sudi membantu, kami pasti rasa sangat bersukur dan gembira."

Siham Mohammed Abdu,
Penerima manfaat program Qurbani di Yaman



PROGRAM BERMUSIM

SHARE THE JOY: NIKMAT DIKONGSI

Program Share The Joy merupakan acara tahunan yang dijalankan Islamic Relief Malaysia selari dengan misi kemanusiaan Islamic Relief untuk menyantuni penerima manfaat tanpa mengira perbezaan bangsa, agama dan warna kulit.

Ia juga salah satu cara dalam memastikan amanah dan tanggungjawab sosial yang digalas dapat disalurkan kepada penerima manfaat secara menyeluruh agar mereka terus disantuni dan mendapat perhatian masyarakat sekeliling.

"Ini bukan kali pertama Islamic Relief Malaysia menyantuni penghuni pusat jagaan Persatuan Kanak-Kanak Istimewa Kajang (PKIK), Selangor. Hubungan baik ini telah mula terjalin sejak 10 tahun yang lalu.

"Islamic Relief Malaysia merupakan NGO Islam pertama yang hadir menyantuni penghuni di PKIK ini.





"Terima kasih kerana sedar kewujudan kami di sini. Terima kasih atas sumbangan yang diberikan kerana kami sangat-sangat memerlukannya. Teruskanlah melakukan kerja-kerja kebajikan seperti ini, saya selalu percaya setiap perkara baik yang kita lakukan, akan membawa kebahagiaan semula kepada diri kita," kata Chuah Swan Im, Koordinator Program PKIK.

Menerusi program Share The Joy di PKIK, Islamic Relief Malaysia telah menyalurkan bantuan seperti "display chiller", barangan mandian, kit kebersihan dan barangan keperluan dapur seperti bawang, kentang, kekacang, jem, susu pekat serta pelbagai lagi untuk kegunaan penghuni yang terdiri daripada anak-anak masyarakat Cina, India dan Melayu.



SHARE THE JOY: KEMERIAHAN TETAP DIRASAI

Seperti yang kita tahu, bencana atau kesusahan tidak mengenal siapa. Ia datang melanda tanpa mengira agama, bangsa atau kepentingan politik.

Setiap daripada kita bertanggungjawab untuk membantu antara satu sama lain dalam usaha meringankan beban serta tekanan hidup, lebih-lebih lagi dalam situasi pandemik.

"Dahulu, saya bekerja di sebuah kilang di Johor. Sejak diberhentikan, kami terus berpindah ke sini.

"Setakat ini, kami hanya bergantung hidup dengan sedikit wang simpanan yang ada. Kesan pandemik amat dirasai kerana suami saya berdepan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan. Jadi, wang simpanan yang ada, kami akan gunakan untuk membayar sewa rumah.



"Bagi menampung perbelanjaan, saya ada bekerja mengambil upah membantu orang di pasar. Sehari dapatlah dalam RM5 hingga RM10. Cukuplah untuk membeli makanan buat kami suami isteri.

"Sambutan Tahun Baru Cina kali ini disambut dalam keadaan biasa sahaja. Saya hanya masak di rumah untuk kami makan bersama.

"Terima kasih kerana membantu kami. Terima kasih atas sumbangan pek makanan ini. Tak sangka walaupun kita berlainan agama, tetapi kalian juga prihatin akan nasib kami," kata Chang Choy Foong, salah seorang penerima manfaat program Share The Joy di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Rejang, Setapak, Kuala Lumpur.

Secara keseluruhan, Islamic Relief Malaysia telah menyantuni 2,130 orang penerima manfaat dalam kalangan masyarakat Cina di semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Antara bantuan yang diberikan ialah sumbangan pek makanan, kit kesihatan dan kebersihan termasuk pelitup muka, pencuci tangan dan 'ang pao'.





REZEKI RAMADAN: 'MALAYSIA'

Agihan pek makanan Ramadan merupakan program bermusim Islamic Relief untuk bantuan makanan asas kepada penerima manfaat sepanjang bulan Ramadan.

Edaran Pek Makanan Rezeki Ramadan 2020/1441H

Jumlah Pek Makanan
5,722

Jumlah Penerima Manfaat
28,610 Individu

Lokasi:
Seluruh Malaysia kecuali Perak, Kelantan, Johor

Rakan Kemanusiaan

- Maybank Islamic Berhad (MIB)
- Bank Pembangunan Nasional Berhad (BPMB)
- Shopee
- Omar & Hana
- Penyumbang Individu
- Warga Kerja Energy Ventures, division TNB/ Kapar Energy Ventures Sdn Bhd

Edaran Pek Makanan Rezeki Ramadan 2021/1442H

Jumlah Pek Makanan
6,530

Jumlah Penerima Manfaat
32,650 Individu

Lokasi:
Seluruh Malaysia

Rakan Kemanusiaan

- Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)
- Yayasan Sime Darby (YSD)
- Ihsan Care Berhad
- CIMB Islamic
- MBSB Bank
- Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS)
- Omar & Hana
- Yusuf Taiyoob
- Persatuan Alumni University Texas (PAUT)
- Celcom Axiata Berhad
- Genius Aulad
- Penyumbang Individu
- Colgate-Palmolive (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)
- Persatuan Muslimah Raudhatul Jannah Kinabatangan
- Harakah Islamiah (HIKMAH)
- Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS)
- Pertubuhan Kebajikan Al-Qudwah Kedah
- Persatuan Nelayan Kawasan Dungun
- Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Kemaman
- Persatuan Kebajikan Bekas Pelajar SM Dato Mohd Taha 1989

REZEKI RAMADAN: #GANDAKANPAHALA

"Ketika musim pandemik, pendapatan kami sebagai nelayan turut terjejas. Meskipun kami boleh turun ke laut, tetapi hasil jualan semakin berkurangan," luah Harun Mamat, salah seorang penerima manfaat pek makanan Rezeki Ramadan di Kuala Dungun, Terengganu.

Menurut satu laporan akhbar tempatan berkaitan isu pendapatan nelayan yang terjejas dalam tempoh pandemik, ia terjadi berikutan para nelayan mengalami kesukaran untuk memasarkan hasil tangkapan ke lokasi lebih jauh selain cuaca yang tidak menentu turut membataskan pergerakan mereka di laut.

Faktor cuaca yang sangat berkait rapat dengan aktiviti tangkapan hasil laut kadangkala boleh mengakibatkan para nelayan tidak dapat turun ke laut seminggu berturut-turut.

Selain itu, keadaan hasil jualan tangkapan laut yang berkurangan ini mungkin juga disebabkan penduduk setempat atau pembeli turut terjejas pendapatan dan mengambil langkah berjimat cermat.



Jika dilihat menerusi hantaran media sosial, ramai yang menzahirkan keluhan bahawa pandemik menyebabkan ramai orang terpaksa mengikat perut dan mendahulukan keperluan juga makanan anak-anak daripada diri sendiri.

Telur boleh dikatakan stok lauk wajib yang pasti ada di setiap rumah memandangkan itu sahaja pilihan yang lebih murah berbanding lauk-pauk lain.

"Meskipun bekalan makanan kami empat beranak tidak pernah terputus, tetapi saya tetap berpesan kepada anak-anak untuk berjimat cermat.

"Saya rasa sangat bersyukur dengan adanya sumbangan pek makanan Ramadan ini. Terima kasih Islamic Relief Malaysia dan semua yang membantu. Bantuan ini memang sangat bermakna dalam meringankan beban penduduk di sini memandangkan pendapatan kami sebagai nelayan sering tidak menentu," kata Harun Mamat yang juga seorang bapa tunggal.





REZEKI RAMADAN: 'ANTARABANGSA'

Edaran Pek Makanan Ramadan 2020/1441H

30 negara merangkumi Asia, Afrika, Timur Tengah & Eropah Timur

Jumlah Edaran Pek Makanan
164,824 Pek

Penerima Manfaat Seluruh Dunia
934,549 Individu

Tajaan Pek Makanan Melalui Islamic Relief Malaysia
4,962 Pek

Jumlah Penerima Manfaat melalui Islamic Relief Malaysia
24,810 Individu

Penerima Manfaat

Ibu tunggal, anak yatim, fakir miskin, warga emas, OKU, pelarian & penduduk yang terjejas dengan bencana alam

Edaran Pek Makanan Ramadan 2021/1442H

30 negara merangkumi Asia, Afrika, Timur Tengah & Eropah Timur

Jumlah Edaran Pek Makanan
226,829 Pek

Penerima Manfaat Seluruh Dunia
1,214,705 Individu

Tajaan Pek Makanan Melalui Islamic Relief Malaysia
4,615 Pek

Jumlah Penerima Manfaat melalui Islamic Relief Malaysia
23,961 Individu

Penerima Manfaat

Ibu tunggal, anak yatim, fakir miskin, warga emas, OKU, pelarian & penduduk yang terjejas dengan bencana alam

REZEKI RAMADAN: NIKMAT BERKONGSI DI BULAN PENUH BARAKAH

"Suami saya meninggal dunia akibat kanser paru-paru. Sejak itu, saya terpaksa membesarkan anak saya Zukic Asmir bersendirian.

"Keadaan ekonomi dan politik di Bosnia tidak begitu baik. Kebanyakan penduduk setempat terpaksa berjuang meneruskan kelangsungan hidup dengan pendapatan yang sangat sedikit sedangkan kami perlu membayar sewa rumah, membeli keperluan makanan dan kelengkapan persekolahan anak-anak.

"Kehidupan kami sangat sukar. Kadangkala kami rasa buntu dan tak tahu apa yang perlu kami dahulukan kerana semuanya penting sedangkan wang yang ada tidak mencukupi.

"Saya dan Asmir bergantung hidup dengan wang persaraan bapanya sebanyak RM802 sebulan. Biasanya, saya akan membeli barangan keperluan asas dan baki yang ada, saya akan gunakan untuk membeli roti.

"Kami tidak mampu membeli daging kerana harganya sangat mahal. Saya pula menghidap penyakit diabetes, jadi saya perlu makan makanan berkhasiat. Mujur saya ada menanam sayur-sayuran di belakang rumah. Jadi, kami tidak akan terputus bekalan makanan.

"Saya mengenali Islamic Relief melalui seorang rakan. Dia yang menceritakan kepada saya tentang bantuan penajaan anak yatim daripada Islamic Relief. Alhamdulillah, saya sangat bersyukur kerana anak saya terpilih sebagai penerima bantuan program ini.

"Dalam setahun, anak saya akan dapat bantuan anak yatim sebanyak empat kali. Ia sangat-sangat membantu terutama untuk membeli pakaian dan keperluan persekolahan Asmir. Kami juga ada menerima bantuan pek makanan Ramadan dan sumbangan daging korban setiap tahun.

"Terima kasih kepada semua yang membantu kami. Kini, saya tidak lagi merasa terpinggir dan keseorangan.

"Saya selalu berdoa semoga Allah membantu orang-orang yang telah menolong saya dan semoga Allah mengurniakan ganjaran syurga buat anda semua," kata Zukic Seviba, ibu tunggal di Bosnia & Herzegovina.





REZEKI QURBAN: 'MALAYSIA'

Edaran Daging Rezeki Qurban 2020/1441H

Jumlah Edaran Daging Qurban
163 Pek

Jumlah Penerima Manfaat
815 Individu

Lokasi
Sabah

Rakan Kemanusiaan

- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)
- Majlis Keselamatan Negara
- Penduduk Kampung Semporna & Keningau
- Sukarelawan

Edaran Daging Rezeki Qurban 2021/1442H

Jumlah Edaran Daging Qurban
1,390 Pek

Jumlah Penerima Manfaat
6,950 Individu

Lokasi
- Kuala Lumpur
- Sabah

Rakan Kemanusiaan

- MBSB Bank
- Malaysian Relief Agency (MRA)
- Majlis Keselamatan Negara (MKN)
- MyAmal Sabah
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)
- Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
- Ketua Komuniti Setempat
- Jawatankuasa Persatuan Penduduk
- Sukarelawan

REZEKI QURBAN: #ZAHIRKANKESYUKURAN

"Pakcik sudah tinggal di Pulau Jampiras ini kira-kira 43 tahun. Selama kami tinggal di sini, inilah kali pertama ada pihak luar yang datang dan menjalankan ibadah korban serta mengedarkan daging korban kepada kami. Kami rasa sangat terharu dan berterima kasih sangat kepada semua yang menyumbang dan membantu kami.

"Tak sangka masih ada yang peduli akan nasib kami walaupun kami bukan penduduk tempatan," kata penerima sumbangan daging korban di Sandakan, Sabah.





Kebanyakan penduduk yang tinggal di kawasan Skim Penempatan Masyarakat Pelarian (SPMP) Pulau Jampiras ini bekerja sebagai nelayan. Hasil laut yang diperolehi akan dijual kepada peraih untuk menyara keluarga.

Dengan jalinan kerjasama erat di antara Islamic Relief Malaysia, Malaysian Relief Agency (MRA) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN), penduduk di Pulau Jampiras berjaya disantuni.

Perjalanan untuk sampai ke pulau ini mengambil masa kira-kira 40 minit dengan menaiki bot dari jeti Sandakan.

Selain menjalankan program Rezeki Qurban, Islamic Relief Malaysia juga pernah menyantuni penduduk di kawasan ini dengan mengedarkan bantuan pek makanan dan kit kesihatan seperti pelitup muka serta pencuci tangan menerusi program bantuan COVID-19.

Menurut MKN, penduduk Pulau Jampiras tidak pernah menerima sebarang bentuk bantuan sejak pandemik melanda disebabkan kesukaran untuk masuk ke kawasan ini dan status komuniti yang bukan warganegara.



REZEKI QURBAN 'ANTARABANGSA'

Edaran Daging Qurban 2020/1441H

30 negara merangkumi Asia, Afrika, Timur Tengah & Eropah Timur

- **Jumlah Edaran Daging Qurban**
  578,833 Pek
- **Penerima Manfaat Seluruh Dunia**
  3,305,249 Individu
- **Edaran Daging Qurban melalui Islamic Relief Malaysia**
  2,015 Pek
- **Jumlah Penerima Manfaat**
  49,350 Individu
- **Penerima Manfaat**
  Fakir miskin, anak yatim, warga emas, OKU, ibu tunggal & pelarian

Edaran Daging Qurban 2021/1442H

28 negara merangkumi Asia, Afrika, Timur Tengah & Eropah Timur

- **Jumlah Edaran Daging Qurban**
  687,512 Pek
- **Penerima Manfaat Seluruh Dunia**
  3,467,973 Individu
- **Edaran Daging Qurban melalui Islamic Relief Malaysia**
  1,242 Pek
- **Jumlah Penerima Manfaat**
  <22,000 Individu
- **Penerima Manfaat**
  Fakir miskin, anak yatim, warga emas OKU, ibu tunggal & pelarian

REZEKI QURBAN: HANYA MERASA DAGING SETAHUN SEKALI

Sayu hati Haidar Nemer Hassan, 51 tahun apabila mengenangkan permintaan anak-anaknya yang sudah lama tidak dapat merasa juadah daging.

Keperitan hidup yang terpaksa ditempuhi Haidar untuk membesarkan 12 orang anaknya di tengah-tengah kemelut peperangan di Gaza bukan sesuatu yang mudah.





"Baucar belian bernilai RM165 yang saya terima setiap minggu digunakan untuk membeli keperluan makanan seperti kekacang, pasta dan makanan dalam tin. Sejak saya berhenti kerja empat tahun lalu kerana masalah kesihatan, saya tidak lagi mampu membeli daging, ayam dan buah-buahan segar.

"Setiap hari, saya pasti akan runsing memikirkan keadaan kesihatan anak-anak saya yang terjejas akibat kekurangan makanan.

"Saya selalu berdoa agar kesihatan saya kembali pulih supaya saya dapat bekerja semula.



"Saya mahu berikan anak-anak saya makanan berkhasiat, rawatan kesihatan dan pakaian yang elok tetapi dengan keadaan saya sekarang, saya memang tidak mampu menyediakan semua itu.

"Ketika saya mendapat tahu bahawa kami terpilih sebagai salah seorang penerima manfaat sumbangan daging korban daripada Islamic Relief, saya rasa sangat gembira.

"Sebelum ini saya pernah beritahu anak-anak jika mereka mahu makan kebab, mereka perlu tunggu sehingga tibanya hari raya Aidiladha.

"Alhamdulillah, rezeki anak-anak. Akhirnya, dapat juga mereka merasa makan kebab yang diinginkan sekian lama.

"Terima kasih Islamic Relief kerana menggembirakan kami sekeluarga dan terima kasih kepada semua penderma yang membantu kami. Semoga Allah merahmati hidup kalian," ucap Haidar, penerima sumbangan daging korban di Gaza, Palestin.






















ISLAMIC RELIEF
rbau
ari Raya Aidiladh
Keningau & Semporna
31 Julai & 1 Ogos,
as: feedback.irmala




Qurban Sabah




CHEER TO SCHOOL
2020










MBSB
BANK
Rezeki
Qurban


Rezeki
Qurban


CHEER TO SCHOOL







CHEER TO SCHOOL


CHEER TO SCHOOL


CHEER TO SCHOOL
Sabah

"Saya dan cucu-cucu saya sering jatuh sakit, lebih-lebih lagi ketika musim sejuk. Apa yang menyedihkan, saya tidak mampu untuk mendapatkan rawatan perubatan untuk cucu-cucu saya. Sejak adanya bantuan khemah dan selimut daripada Islamic Relief, kami dapat berehat dengan selesa di dalam khemah sendiri. Kami sangat gembira dan berterima kasih kepada Islamic Relief dan para penyumbang kerana membantu kami."

Mohammad,
penerima manfaat program bantuan musim sejuk di Herat, Afghanistan



MISI KEMANUSIAAN

MISI KEMANUSIAAN "SISTERHOOD WINTER MISSION"

Lokasi: Istanbul & Gaziantep, Turkiye

Tarikh: 18.01.2020 – 24.01.2020

Objektif

- Melawat, memantau dan menilai pelaksanaan projek-projek bantuan Islamic Relief di Turkiye
- Memberi bantuan musim sejuk kepada pelarian Syria

Aktiviti

- Ziarah rumah penerima manfaat projek Penajaan Al-Yateem di Istanbul
- Agihan baucar pembelian dan aktiviti membeli-belah barangan musim sejuk di Istanbul & Gaziantep
- Ziarah pusat jagaan anak yatim Sham Society for Orphans dan Dar el-Salam di Gaziantep

Bantuan Islamic Relief

- Baucar pembelian barangan musim sejuk



"Dia ikut sahaja ke mana saya pergi sepanjang masa lawatan ke Rumah Anak Yatim Dar el-salam ini. Naik turun bangunan, minta didukung, makan bersuap.

"Apabila saya menyatakan untuk pulang, dia hanya tenung saya, mulut mula 'jebek', mata berair.

"Jelas dia dahagakan kasih sayang dan tempat bermanja. Itulah saya kata 'kalau lah aku boleh bawa dia pulang."

Irma Hasmie
Ikon Kemanusiaan Islamic Relief Malaysia



"Apabila melihat ramai kaum ibu dan golongan wanita yang terjejas disebabkan konflik terpaksa menjadi pelarian bersama anak-anak tanpa suami di negara orang, saya rasa sangat kagum dan terinspirasi dengan kekuatan mereka.

"Ketika bertemu dan bersembang dengan mereka, kami dapat menyelami perasaan mereka secara lebih dekat. Mereka sebenarnya masih dalam trauma, namun demi meneruskan kelangsungan hidup, mereka tetap cuba untuk kelihatan kuat agar 'survive'.

"Jadi, ketahuilah sekecil-kecil sumbangan yang kita hulurkan sebenarnya memberi nilai yang sangat besar buat mereka. Tidak hanya dari sudut material, malahan ia turut memberi semangat dan harapan baru buat mereka. Sekurang-kurangnya mereka dapat merasa bahawa mereka tidak pernah sendirian. Ramai yang prihatin akan nasib mereka sekeluarga."

Siti Fadilah Mohd Hood



"Melihat kehidupan insan-insan yang ditemui sewaktu misi, membuatkan saya benar-benar rasa mereka sangat kuat. Dalam keadaan terpaksa meninggalkan kampung halaman, kehancuran rumah dan harta benda serta kehilangan orang tersayang, tetapi mereka tak pernah menyerah kalah. Kecekalan mereka sangat memberi iktibar.

"*Sisterhood Winter Mission* ini juga sangat membuka mata saya supaya tidak memandang enteng terhadap ancaman cuaca sejuk. Ia mungkin kedengaran asing bagi kita di Malaysia, tapi percayalah di negara konflik, musim sejuk boleh meragut nyawa mereka kerana mereka terpaksa menghadapinya tanpa sebarang kelengkapan yang cukup. Disebabkan itu, penting untuk kita cakna dan sama-sama membantu menyelamatkan nyawa mereka."

Sharmiza Husin



"Pengalaman mengikuti misi musim sejuk ini memberi saya peluang untuk menghayati kehidupan para pelarian yang berjuang meneruskan kehidupan di negara orang tanpa keperluan musim sejuk yang mencukupi. Selama ini saya hanya membaca kisah-kisah mereka tetapi kali ini, saya merasai sendiri pengalaman berharga itu.

"Pernah di satu kawasan yang suhunya di bawah sifar, kedua-dua tangan saya tiba-tiba kaku dan mengeras. Mujur ada rakan misi yang bantu pakaikan sarung tangan yang ketika itu baru saja dibuka sebentar. Alhamdulillah, lama-kelamaan, tangan saya kembali pulih. Saya terus terbayang bagaimana kehidupan pelarian-pelarian Syria yang terpaksa jalani hidup sehari-harian di kem pelarian tanpa pakaian tebal dan bahan pemanas. Banyak lagi yang perlu kami lakukan untuk membantu mereka."

Nor Zafirah Zahari




WINTERIZATION INTERVENTION
TURKEY
ISLAMIC
RELIEF
MALAYSIA




ISLAMIC
RELIEF



















"Bantuan yang kami terima daripada Islamic Relief Malaysia sangat membantu dalam meringankan beban kami sekeluarga khususnya bagi membayar yuran persekolahan saya dan kakak di universiti. Kami sangat gembira dan bersyukur. Terima kasih Islamic Relief!"

Ruqaiah Sa'ed Marish,
penerima manfaat projek
penajaan Al-Yateem



SEKALUNG PENGHARGAAN

SEBAHAGIAN DARIPADA RAKAN KEMANUSIAAN & PENYUMBANG

2020

Maybank Islamic
MBSB BANK
YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA
ekuinas EKUITI NASIONAL BERHAD
MASwings
Grab
LEMBAGA ZAKAT SELANGOR MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
Omar & Hana
SERAIMAS BINA SDN BHD
BPMB Malaysia Development Bank
MAIWP
MAIPs

2021

MBSB BANK
BURSA MALAYSIA
BPMB Malaysia Development Bank
CIMB ISLAMIC
Maybank Islamic
ekuinas EKUITI NASIONAL BERHAD
LEMBAGA ZAKAT SELANGOR MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
YADIM YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA
Sime Darby YAYASAN
SME BANK GROUP
ZAKAT PULAU PINANG
PERSATUAN ALUMNI UNIVERSITI TEXAS
AFYAA
MAIPs
JKR
MERANTI MARSHAL SDN. BHD.

PENGHARGAAN ISTIMEWA

Maybank Islamic

Projek Tajaan 2020

- Regional Ramadhan Relief 2020/1441H



Lokasi:
Malaysia, Laos, Thailand, Vietnam, Brunei, Singapura, & Indonesia

13,045
Jumlah Pek Makanan

65,225
Jumlah Penerima Manfaat

Projek Tajaan 2021

- Regional Ramadhan Relief 2021/1442H



1,156
Jumlah Pek Makanan

5,780
Jumlah Penerima Manfaat

- Bantuan Kecemasan COVID-19



1,200
Keluarga

Agihan Bantuan Tunai melalui MAE Wallet dan Agihan Pek Makanan

PENGHARGAAN ISTIMEWA

MBSB BANK

Projek Tajaan 2020

- Program Sejahtera MBSB Bank



Bantuan Baik Pulih Rumah

37 Jumlah Rumah

207 Penerima Manfaat

- Gift of Hope (GOH)



10 Keluarga

Sektor Bantuan:

- Makanan
- Pendidikan
- Kesihatan
- Ekonomi

- Bantuan Kecemasan COVID-19



Bantuan Pek Makanan

100 Keluarga

500 Penerima Manfaat

Projek Tajaan 2021

- Tindakan Kecemasan Gaza 2021



Bantuan:

- Agihan baucar tunai untuk barangan makanan & bukan makanan.

- **440** Penerima Manfaat

- Growth Entrepreneurship Assistance Programme (GRAP)



- Bantuan:

Program keusahawanan untuk penajaan pendapatan mampan dalam kalangan komuniti B40.

- **25** Individu

- Rezeki Ramadan



- Bantuan:

Agihan Pek Makanan

- **250** Keluarga

- Rezeki Qurban



Bantuan:

- Bantuan makanan bermusim (daging Qurban).

- **403** Keluarga

PENGHARGAAN ISTIMEWA


SERAIMAS BINA SDN BHD

Projek Tajaan 2020

- Rayuan Yaman

Bantuan:

- Agihan pek makanan kepada pelarian dalam negara (IDPs) dan penduduk tempatan.



- **157** Keluarga
- Sektor Bantuan: **Kecemasan**
- Lokasi: **Lahj, Daerah Almilah**

PENGHARGAAN ISTIMEWA

CIMB ISLAMIC

Projek Tajaan 2021

- Rezeki Ramadan



- Bantuan:
  Agihan Pek Makanan
- Lokasi:
  Lembah Klang

- Bantuan Kecemasan COVID-19



- Bantuan:
  Agihan Baucar Tunai
- Lokasi:
  Hulu Langat

PENGHARGAAN ISTIMEWA

BPMB
Malaysia Development Bank

Projek Tajaan 2020


- Ihsan Ramadan 2020 bersama BPMB



- **500** Keluarga
- **2,500** Penerima Manfaat
- Sektor Bantuan:
  Makanan
- Lokasi:
  Terengganu, Sarawak, & Sabah

Projek Tajaan 2021

- Ihsan Ramadan 2021 bersama BPMB



- **1,180** Keluarga
- Sektor Bantuan:
  Makanan
- Lokasi:
  Kedah, Perak, Selangor, Johor, Pahang, & Terengganu

PENGHARGAAN ISTIMEWA

BURSA MALAYSIA

Projek Tajaan 2021


- Bantuan Kecemasan Lokal

Bantuan:

- Agihan pek makanan, program sanitasi dan baik pulih rumah.

- **>1,000** Keluarga

- Sektor Bantuan:
  Kecemasan



- Lokasi:
  Sabah

PENGHARGAAN ISTIMEWA

Sime Darby

YAYASAN

Projek Tajaan 2021

- Rezeki Ramadan

Bantuan:

- Agihan pek makanan Ramadan.

- **1,500** Keluarga
- **7,500** Individu
- Sektor Bantuan: **Makanan**



- Lokasi: **Sarawak**

PENGHARGAAN ISTIMEWA

YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA

Projek Tajaan 2020

- Rayuan Kecemasan Palestin



Bantuan:

- Agihan bantuan kecemasan.

Lokasi:

- **Gaza, Palestin**

PENGHARGAAN ISTIMEWA

YADIM
YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA

Projek Tajaan 2021

- Tindakan Kecemasan Gaza 2021



Bantuan:

- Agihan baucar tunai untuk barangan makanan dan bukan makanan.

Lokasi:

- **Gaza, Palestin**

- **450** Keluarga

SEBAHAGIAN DARIPADA RAKAN KEMANUSIAAN & PENYUMBANG

- Vala Boutique
- By Bintu Boutique
- Toto Malaysia Sdn Bhd
- Sugarscarf International Sdn Bhd
- Ibawal Boutique
- Swift Haulage Sdn Bhd
- Uthobe BoutiqueAbs Corporate Service
- Acasia Communication Sdn Bhd
- Ahmad X Design And Innovation
- Ahy Solutions
- Aimanrasye Enterprise
- Airanisz Enterprise
- Al Hussaini Enterprise
- Aleef Maju Resources
- Alfatih Olive House
- Alfauzu Trading
- Alliance Islamic Bank Berhad
- Andy Siti Production
- Ara Global Legacy Venture
- Arkitek Khairani
- Art Ahmari Enterprise
- Awa Design Boutique
- Azam Budiman Sdn Bhd
- 2sh Consulting Sdn Bhd
- Abeer Rich Resources
- Abuya Qollib Enterprise
- Ahy Solutions
- Airanisz Enterprise
- Al Hussaini Enterprise
- Almalik Husain Enterprise
- An Najihah Healthcare
- Anaasa Publication
- Anasaujana Management
- Anis Nasuha Enterprise
- Ar Auto & Rental Car
- Ariff Atierah Enterprise
- Atiq Aafiyat Beauty
- Avenys Malaysia Sdn Bhd
- Awa Design Boutique
- Axiata Group Berhad
- Azhali Medik Sdn Bhd
- Baytul Ilm Resources
- Bellissa Boutique
- Betha Pro Enterprise
- Bi Credit & Leasing Berhad
- Bin Nor Foundation (Bnf)
- Bodyworks Resources
- Ben Rezuan Holdings
- Berkat Pj Station
- Betha Pro Enterprise
- Bi Credit & Leasing Berhad
- Bin Nor Foundation (Bnf)
- Bina Raga Sports
- Biz Connexion Sdn Bhd
- Bongol Enterprise
- Brewstar Manufacture
- Cekalputeh Tijari
- Cikgu Diet Enterprise
- Circuit Ideas Resources
- Clean Resources
- Cucidotcom Sdn. Bhd.
- Custommedia Sdn Bhd
- Cvie Enterprise
- Darulaman Manufacturing Sdn Bhd
- Dewa Master Resources
- Dolljeedbynfa Enterprise
- D'rayyan Enterprise
- Desa Vistana Enterprise
- Django Resources
- Djuewellness Sdn Bhd
- Do One Engineering
- Drx Ventures
- Dzaris Resources
- Eff Ess Empire
- Elica Success Resource
- Elin Heaven Ventures
- Ezzra Maju Empire
- East Expert Solution
- Elghina Boutique
- Excell Vision Resources
- Fa One Global Resources
- Fh Qaseh Beauty
- Fibre Craft Asia Pte Ltd
- Fosh Consultancy And Services
- Fotonote Gemilang
- Fa One Global Resources
- Faraniza Enterprise
- Dope Prints Enterprise
- Mimie Zaki Enterprise
- Minyak Mestika Marketing Sdn Bhd
- Mstex Sdn. Bhd.
- Mubarak Maju Sdn Bhd

SEBAHAGIAN DARIPADA RAKAN KEMANUSIAAN & PENYUMBANG

- Fh Qaseh Beauty
- Fm Trans And Service
- Gaz Engineering Supply And Trading
- Gjones Venture
- Glamoritz Empire Enterprise
- Global Maritime Ventures Berhad
- Glostco Enterprise
- Go Clean Car Wash
- Gojers Impiyana Resources
- Golden Gift House
- Great Providence Sdn Bhd
- Great Swifter Trading
- Garasi Tv
- Global Dental Specialist
- Global Maritime Ventures Berhad
- Goddess Online Trading
- Hanis Maju Management & Services
- Hanitek Sdn Bhd
- Hazzam Enterprise
- Hefzac Sdn Bhd
- Hakim World Resource
- Haslela Nh Global Enterprise
- Hateeka Global Sdn Bhd
- Highbase Strategic Sdn Bhd
- Hospital Pusrawi Sdn Bhd
- Hr Niaga Resources
- Ibunda Catering & Services
- Icebikeheaven Enterprise
- Idaman Pharma Sdn Bhd
- Impero Network
- Incredible Hearts
- I-Niche Sdn.Bhd
- Ireal Property Sdn Bhd
- Islamic Coordinating Council Of Victoria
- Isnas Hijrah Marketing
- Izzack Solutions
- Iman Caliph Enterprise
- Jackal Junkyard Spa
- Jambak Indah Enterprise
- Jb Jurunilai Bersekutu (Kedah) Sdn Bhd
- Jb Jurunilai Bersekutu (Subang Jaya) Sdn Bhd
- Kadys Enterprise
- Kamlyzan Trading
- Kazoku Circle Sdn Bhd
- Kedai Emas Maz Budi
- Kedepan Enterprise
- Kejo Supply Sdn. Bhd
- Kejos Auto Project
- Khaiyum Azman Enterprise
- Klinik Famili Denai Alam
- Joomcommerce Enterprise
- Jzie Collection
- Kakakadek Group Sdn Bhd
- Kejos Auto Project
- Kita Global Group Sdn Bhd
- Klinik Fuziah
- Klinik Pergigian Dr Juliana
- Lindr Accessories
- Little Bumble Bee Sdn Bhd
- M & E Urusbina Sdn Bhd
- Maito's Legacy
- Mamaned Enterprise
- Markna Enterprise
- Media Screen Sdn. Bhd
- Medico Sdn Maybank Asset Management Sdn Bhd
- Melabakti Sdn Bhd
- Masa Horlogerie Sdn Bhd
- Mfk Variety
- Mhp Global Enterprise
- Hiromi Enterprise
- My Iman Dakwah Centre
- Myusrah Global
- M Asyraf Enterprise
- Mash Comm Resources
- Mazsya Empire Enterprise
- Melabakti Sdn Bhd
- Melur Jasmine Enterprise
- Merreshoppe Enterprise
- Mfk Variety
- Minyak Mestika Marketing Sdn Bhd
- Mn Milk & Flour Enterprise
- Mstex Sdn. Bhd
- Nalitha Nazirah Lux Resources
- Nerisa Network

SEBAHAGIAN DARIPADA RAKAN KEMANUSIAAN & PENYUMBANG

- Netstar (Sg) Pte Limited-Flr 24
- Nita Deni Enterprise
- Nj Network
- Nr Beauty
- Nuha Creative Resources
- Ny Nasuha Empire
- Noba Engineers Sdn.Bhd
- Nomi+Co.
- Otc Training Centre Sdn Bhd
- Pakar Management Technology (M) Sdn Bhd
- Pembangunan Leasing Corporation Sdn Bhd
- Perinsuran Brokar Sdn Bhd
- Pinnacle Homes Sp Sdn Bhd
- Plc Credit & Factoring Sdn Bhd
- Premier Flexy Sdn Bhd
- Prima Success Resources
- Pusaka Nusantara Ma
- Pusat Koreksional Puncak Alam
- Properganda Resources
- Pusat Servis Berkat Mewah
- Qiqo House
- Qistina Dental & Me
- Rafa Fragrance Sdn Bhd
- Rayzan Enterprise
- Razi Western Food
- Rdb Mutiara Venture
- Regional Switch Iotc
- Rezekitalita Enterprise
- R'nie Beauty Care
- Rossalova Resources
- Sabar Training And Consultancy
- Salihin Consulting Group Sdn. Bhd.
- Sam Everest Enterprise
- Sb Project Management
- Sa Consulting
- Safah Herbs Industry
- Scarfbee Resources
- Sirman Enterprise
- Suefadz Beauty & Health Saloon
- Sundaydo Kitchen
- Screen Works International Sdn Bhd
- Softage Sdn Bhd
- Solusi Kelana
- South Dudes Enterprise
- Stable Arm Sdn Bhd
- Strivewell Ventures
- Suria Beauty & Healthcare
- Sya&Rizqi Enterprise
- Talnoor Enterprise Sdn Bhd
- Tarmac Signature Resources
- Tashashilla Enterprise
- Technonius Sdn. Bhd
- Teratak Glam Resources
- Th Olive House
- Three Sun Enterprise
- Tj Trading And Services
- Tl Production
- Tokoh Ilham Sdn Bhd
- Tone Excel International
- Tranglo Sdn Bhd
- Tuaran Olive House
- Tudongcha Enterprise
- Taj Integrated Enterprise
- The Mystique Gifted
- Trans Premier Logistics
- Trinitium Sdn Bhd
- True Zeal Sdn Bhd
- Twin Juta Enterprise
- Ubb Amanah Berhad
- Ummi Vacation Holidays
- V Ideas Venture
- Virtual Instrument & System Innovation
- Wezzaq Resources
- Wna Idaman Trading
- Wodages Sdn Bhd
- Umar Creative Enterprise
- Unipeq Sdn Bhd
- Uniti Consultants Sdn. Bhd
- Voiplid Network
- Warisan Bagan Enterprise
- Yusuf Taiyoob Sdn Bhd
- Zack Star Enterprise

SEBAHAGIAN DARIPADA RAKAN KEMANUSIAAN & PENYUMBANG

- Yayasan UNITI
- Persatuan Belia Malaysia
- Felo Perdana
- Youth Care Malaysia
- Youth Opportunity Malaysia
- Yemen Refugee Woman Association
- Kelab Cakna Alam Uitmctkd
- Kelab Divisyen Operasi Agihan Asnaf (Doaa)
- Kesumba
- Persatuan Islam Lembaga Getah Malaysia
- Kelab Sukarelawan Suza UiTM Melaka
- Bachelor Of Business Administration (Hons.) International Business UiTM Campus Bandaraya Melaka
- Batch 10 Mtstm
- Blackpink / My-Blinks
- Kumpulan Infaq Geng Kolej
- Kumpulan Infaq Khi
- Pertubuhan Multaqa Asatizah Dan Du'at
- PIBG Sekolah Kebangsaan Bukit Gading
- Sukarelawan Zakat UiTM Bandaraya Melaka
- Sofea Run
- Ukhwah For Ummah (U4U)
- Yuukiss.Com
- Lembaga Zakat Selangor (LZS)
- Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
- Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)
- Masjid Kariah Taman Bandar Senawang
- Masjid Mukarramah
- Masjid Saujana Impian
- Masjid Teras Jernang
- Surau Sayyidina Umar Al-Khattab
- Masjid Al Mukarramah, Bandar Sri Damansara
- Masjid Al Mustaqim, Ampang
- Masjid Jamiul Ehsan Kubu Gajah Sg Buloh
- Masjid Nurul Hidayah
- Masjid Kuala Perdik Hulu Langat
- Masjid Fathul Mubin Kg. Tok Sadang
- Surau As Syafie
- Surau Desa Baiduri

SEBAHAGIAN DARIPADA RAKAN KEMANUSIAAN & PENYUMBANG

- Kolej SPACE-UTM
- Sekolah Gadong Jaya, Negeri Sembilan
- Sekolah Ng Pelagus, Kapit, Sarawak
- Pusat Asasi UNIMAS
- Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan UKM
- Little Caliph
- JSKP UPM
- Pusat Kajian Bahasa Arab & Tamadun Islam, UKM
- Genius Aulad- Sekolah Tinta
- Tadika Umi Alam Ceria
- Iddrissi International School, Setia Alam
- UNIPEQ- UiTM Melaka
- Tadika Dzul Iman
- KASISWA, UKM
- Kolej UNITI
- Kolej Tingkatan Enam Shah Alam
- Genius Aulad Banting (Putri Intan Jalina)
- Genius Aulad Cheng Melaka
- Genius Aulad International
- Genius Aulad Kajang
- Genius Aulad KI Square Gombak
- Genius Aulad Nusa Idaman
- Genius Aulad Presint 8 Putrajaya
- Genius Aulad Putrajaya (Presint 15)
- Genius Aulad Seksyen 14
- Genius Aulad Setia Alam
- Genius Aulad The Prime Puchong Utama
- Myclaaz
- Taman Pendidikan Raihan
- Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Pusat Koreksional Puncak Alam, Selangor
- Politeknik Banting
- Sekolah Tinta Shah Alam
- Tadika Manja DeriaTadika Raihan
- Taska Al Humairaa
- UiTM Negeri Sembilan
- Pelajar Sekolah Menengah
- Sri Al-Amin Bangi
- Pusat Koreksional Puncak Alam

SEBAHAGIAN DARIPADA PLATFORM SUMBANGAN DALAM TALIAN

2020

Shopee

Touch 'n GO eWallet

LaunchGood

SnapNPay

Boost™

Grab Rewards

yezza.

kitafund

GIVE.ASIA

SOFEA RUN

2021

Shopee

Touch 'n GO eWallet

LaunchGood

Grab

GIVE.ASIA

Lazada

SnapNPay

BIGO LIVE

myclaaz.com

kitafund

SEBAHAGIAN DARIPADA RAKAN MEDIA

Liputan Media 2020

112 TV & Radio

91 Platform Digital

26 Percetakan



SEBAHAGIAN DARIPADA RAKAN MEDIA

Liputan Media 2021

80 TV & Radio

107 Platform Digital



SEBAHAGIAN DARIPADA WAKIL PENJANAAN DANA

(2020)

- Klinik Pergigian Halizah
- Aisy Asyraf by Imam Muda Asyraf
- Rina Salleh Boutique
- Wany's Kacang Sedap
- Baked KL
- Warna Pops Ventures
- Hungrill
- Farmasi AllCare
- Go Cleans Car Wash
- Tadika Epal
- Ida Prelove
- Pusat Servis Berkat Mewah
- First Print Media
- More Dream Resources
- Kimyra Style Ventures
- Sofea Run - ACASIA
- NS Stuck Beauty Enterprise

(2021)

- Bonafide Cosmetics
- More Dream Resources
- Mubarak Maju

SEBAHAGIAN DARIPADA SUKARELAWAN

2020

275 Sukarelawan Berdaftar

Aktiviti:

- Charity Month
- World Humanitarian Day

2021

616 Sukarelawan Berdaftar

Aktiviti:

- Charity Month
- World Humanitarian
- Skuad Ramadan
- Skuad Rebuilding Palestine


ISLAMIC
RELIEF










PENTADBIRAN
HOSPITAL PUTRAJAYA




KLINIK-KLINIK PAKAR



























PEJABAT



EMASAN






ISLAMIC
RELIEF

OPERASI DI

Afghanistan | Albania | Australia | Bangladesh | Bosnia & Herzegovina | Canada | China | Ethiopia | Germany India | Indonesia | Ireland | Italy | Jordan | Kenya | Kosova | Lebanon | Malaysia | Malawi | Mali | Mauritius Myanmar | Middle East | Nepal | Niger | Norway | Pakistan | Palestinian Territories | Philippines | Russian Federation Somalia | South Africa | South Sudan | Spain | Sri Lanka | Sudan | Sweden | Switzerland | Syrian Arab Republic | Tunisia | United Kingdom | USA | Yemen

SUMBANGAN SECARA ONLINE / ATM / CDM

MAYBANK ISLAMIC	MBSB BANK	CIMB ISLAMIC	BANK ISLAM	BANK RAKYAT	AFFIN ISLAMIC
5621 4270 8704	**1005025100000166**	**8602073818**	**12 029 01 006564 3**	**1100714205**	**10 671 000278 4**

Rujukan: [Masukkan Nama Kempen]

Hantar slip bayaran beserta maklumat diri seperti **Nama, No. Kad Pengenalan, Alamat, No. Telefon** dan **Alamat E-Mel** kepada WhatsApp Centre Islamic Relief Malaysia 019-637 9788 atau E-Mel kepada donation@islamic-relief.org.my bagi pengeluaran resit.

JOMPAY & LAIN-LAIN SALURAN

JomPAY
Biller Code: 3822
Ref-1: No.KP
Ref-2: Emel / No. Tel

JomPay online di Perbankan Internet dan Telefon Mudah Alih dengan akaun semasa, simpanan atau kad kredit

KAMI PERLUKAN SOKONGAN ANDA

SUMBANGAN BOLEH DIBUAT MELALUI:

IMBAS SAYA!

WEBSITE
www.islamic-relief.org.my

TUNAI / CEK / KAD KREDIT

Kunjungi **kedai Charity Shoppe Islamic Relief Malaysia** di

IMBAS LOKASI CHARITY SHOPPE

Alamat:
Charity Shoppe Islamic Relief Malaysia A-05-G, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor

ONLINE PLATFORM

Sumbangan anda boleh juga melalui saluran berikut:

Shopee | Lazada | Touch 'n Go eWallet | Setel

*Kunjungi kedai Islamic Relief Malaysia di **Shopee & Lazada**

Alamat Islamic Relief Malaysia

A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB 5, Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor • **Tel:** +603 8926 3434 **Fax:** +603 8925 3434

Islamic Relief Malaysia

Company Registration No. 657354 - W